

**BAHASA KIASAN DALAM PANTUN LISAN BERDASARKAN *KURIK***

***KUNDI MERAH SAGA: APLIKASI PENDEKATAN GUNAAN***



**NOR AQMA FAZLIN BINTI SHAHIDIN**

UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN

**IJAZAH SARJANA MUDA**

**2023**



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

**BAHASA KIASAN DALAM PANTUN LISAN BERDASARKAN *KURIK***

***KUNDI MERAH SAGA: APLIKASI PENDEKATAN GUNAAN***

**NOR AQMA FAZLIN BINTI SHAHIDIN**

**LAPORAN PENYELIDIKAN YANG DIHANTAR SEBAGAI MEMENUHI  
SEBAHAGIAN DARIPADA KEPERLUAN UNTUK PENGANUGERAHAN  
IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN DENGAN KEPUJIAN**

**FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN  
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

**2023**

## PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

TERBUKA

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)

SEKATAN

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam teks (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah

SULIT

Dari tarikh \_\_\_\_\_ sehingga \_\_\_\_\_  
(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut. Tesis adalah milik Universiti Malaysia Kelantan. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan Pelajar

Nama Pelajar:  
Nor Aqma Fazlin Binti Shahidin  
No.Kad Pengenalan: 990918-03-6214

Tarikh: 20 Februari 2023

Tandatangan Penyelia

Nama Penyelia:  
Puan Siti Nur Anis Binti  
Muhammad Apandi

Tarikh: 20 Februari 2023

## PENGHARGAAN

Assalamualaikum dan salam sejahtera saya ucapkan kepada pensyarah yang berdedikasi dan dikasihi, Puan Siti Nur Anis Binti Muhammad Apandi. Pertama sekali, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada Puan kerana telah memberi tunjuk ajar dan ilmu yang bermanfaat kepada saya dan juga rakan-rakan.

Dengan kesempatan ini, saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada ibu bapa dan rakan-rakan saya kerana sudah memberi nasihat dan tunjuk ajar dalam menyiapkan projek penyelidikan ini. Projek penyelidikan ini merupakan kajian yang sangat bermakna untuk saya. Hal ini demikian kerana, kajian saya berkenaan dengan Bahasa Kiasan dalam Pantun Lisan berdasarkan *Kurik Kundi Merah Saga*. Justeru itu, saya berkesempatan untuk belajar dan menerapkan ilmu berkaitan dengan bahasa kiasan dalam pantun lisan.

Harapan saya untuk kajian ini agar dapat memenuhi sebahagian daripada keperluan untuk penganugerahan ijazah sarjana muda. Saya telah berusaha sebaik mungkin untuk menyempurnakan kajian ini dengan sempurna. Hal ini telah memberi peluang untuk saya mengkaji dengan lebih dalam tentang jenis dan fungsi bahasa kiasan.

## ISI KANDUNGAN

|  |            |
|--|------------|
| <b>BAB 1: PENDAHULUAN</b>                              | <b>m/s</b> |
| 1.1 Pengenalan.....                                    | 1 - 2      |
| 1.2 Latar Belakang Kajian.....                         | 2 - 3      |
| 1.3 Pernyataan Masalah.....                            | 3 - 4      |
| 1.4 Persoalan Kajian.....                              | 4          |
| 1.5 Objektif Kajian.....                               | 4          |
| 1.6 Metodologi Kajian.....                             | 5          |
| 1.7 Skop Kajian.....                                   | 5 - 6      |
| 1.8 Kepentingan Kajian.....                            | 6          |
| 1.9 Penutup.....                                       | 7          |
| <b>BAB 2: SOROTAN KAJIAN LEPAS</b>                     |            |
| 2.1 Pengenalan.....                                    | 8          |
| 2.2 Fungsi Dan Penggunaan Pantun Pada Masyarakat.....  | 8 - 17     |
| 2.3 Kesan Pantun Dan Gaya Bahasa.....                  | 17 - 18    |
| 2.4 Penggunaan Simbol Dalam Pantun.....                | 19 - 25    |
| 2.5 Penggunaan Bahasa Kiasan Dalam Puisi Barat.....    | 25 - 27    |
| 2.6 Penggunaan Bahasa Kiasan Dalam Puisi Tempatan..... | 27 - 30    |
| 2.7 Penutup.....                                       | 30         |
| <b>BAB 3: METODOLOGI KAJIAN</b>                        |            |
| 3.1 Pengenalan.....                                    | 31         |
| 3.2 Kaedah Kajian.....                                 | 31         |
| 3.2.1 Kaedah Kualitatif.....                           | 31 - 32    |
| 3.3 Teori Pengkaedahan Melayu.....                     | 32         |
| 3.3.1 Pengkaedahan Alamiah.....                        | 33         |
| I. Pendekatan Gunaan.....                              | 33         |
| II. Pendekatan Moral.....                              | 33 - 34    |


|  |         |
|--|---------|
| III. Pendekatan Firasat.....                               | 34      |
| 1.3.2 Pengkaedahan Keagamaan.....                          | 34 - 35 |
| I. Pendekatan Dakwah.....                                  | 35      |
| II. Pendekatan Kemasyarakatan.....                         | 35      |
| III. Pendekatan Seni.....                                  | 36      |
| 3.4 Kerangka Konseptual.....                               | 37      |
| 3.5 Penutup.....   | 38      |
| <b>BAB 4: DAPATAN KAJIAN</b>                               |         |
| 4.0 Pengenalan.....  | 39      |
| 4.1 Bahasa Kiasan.....                                     | 39 - 40 |
| 4.1.1 Jenis-jenis bahasa kiasan.....                       | 41 - 43 |
| 4.2.1 Fungsi bahasa kiasan sebagai pengajaran moral.....   | 44 - 48 |
| 4.2.2 Fungsi bahasa kiasan sebagai jenaka.....             | 49 - 52 |
| 4.2.3 Fungsi bahasa kiasan sebagai nasihat.....            | 52 - 58 |
| 4.2.4 Fungsi bahasa kiasan sebagai sindiran.....           | 59 - 70 |
| 4.2.5 Fungsi bahasa kiasan sebagai perbandingan nyata..... | 70 - 76 |
| <b>BAB 5: CADANGAN DAN KESIMPULAN</b>                      |         |
| 5.0 Pengenalan.....  | 77      |
| 5.1 Cadangan.....  | 77 - 81 |
| 5.2 Kesimpulan.....  | 81 - 82 |
| Rujukan.....   | 83 - 86 |

## ABSTRAK


Kajian ini berkenaan dengan Bahasa Kiasan Dalam Pantun Lisan Berdasarkan *Kurik Kundi Merah Saga: Aplikasi Pendekatan Gunaan*. Oleh itu, pendekatan gunaan dalam teori pengkaedahan Melayu sangat bersesuaian dengan objektif kajian. Batasan kajian ini hanya berfokuskan pada pantun lisan yang bertemakan kiasan. Kajian ini adalah untuk memperlihatkan dan memperjelaskan berkenaan dengan jenis-jenis bahasa kiasan dan juga fungsi-fungsi bahasa kiasan dalam buku *Kurik Kundi Merah Saga*. Hal ini demikian kerana, kajian lepas yang pernah dibuat tidak banyak yang mengkaji berkenaan dengan bahasa kiasan dalam pantun lisan. Justeru itu, kajian ini membincangkan jenis-jenis bahasa kiasan dan menganalisis fungsi-fungsi bahasa kiasan. Kaedah kajian yang digunakan dalam kajian ialah bersifat kualitatif iaitu daripada kepustakaan, teori dan sumber internet. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa gabungan penggunaan pendekatan gunaan yang terkandung dalam teori pengkaedahan Melayu dengan tajuk kajian memberi idea dan sebagai sumber rujukan yang bernas dan secara tidak langsung kajian yang dihasilkan dapat memperlihatkan tentang kehidupan sebenar masyarakat Melayu. Cadangan untuk kajian supaya lebih diperkembangkan dan diluaskan lagi bagi berkongsi kepada pengkaji lain dan masyarakat di luar sana betapa pentingnya penerapan bahasa kiasan dalam kehidupan setiap manusia atau individu. Hal ini demikian kerana, bahasa kiasan juga dianggap sebagai bahasa orang Melayu pada zaman dahulu kala yang dijadikan sebagai salah satu identiti dan jati diri orang Melayu. Kesimpulannya, kajian berkaitan dengan bahasa kiasan dalam pantun lisan sangat sesuai digunakan bersamaan dengan pendekatan

gunaan kerana segala jenis bahasa kiasan dan fungsi bahasa kiasan dapat dicungkil dengan lebih banyak.


**Kata kunci:** bahasa kiasan, pantun lisan, *Kurik Kundi Merah Saga*.



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN



## ABSTRACT

This study deals with Figurative Language in Oral Poems Based on *Kurik Kundi Merah Saga*: Application of an Applied Approach. Therefore, the applied approach in the theory of Malay methods is very compatible with the objective of the study. The limitation of this study is that it only focuses on oral poems that have a metaphorical theme. This study is to show and explain the types of figurative language and also the functions of figurative language in the book *Kurik Kundi Merah Saga*. This is so because not many previous studies that have been done have studied figurative language in oral poetry. Therefore, this study discusses the types of figurative language and analyzes the functions of figurative language. The research method used in the study is qualitative which is from literature, theory and internet sources. The findings of the study also show that the combination of the use of the applied approach contained in the theory of Malay methods with the title of the study gives ideas and as a source of insightful reference and indirectly the resulting study can show about the real life of the Malay community. Recommendations for the study to be further developed and expanded to share with other researchers and the community outside how important the application of figurative language is in the life of every human being or individual. This is so because figurative language is also considered as the language of the Malays in ancient times which was used as one of the Malays' identity and self-identity. In conclusion, studies related to figurative language in spoken poetry are very suitable to be used in conjunction with the applied approach because all types of figurative language and the functions of figurative language can be explored more.

Keywords: figurative language, oral rhyme, *Kurik Kundi Merah Saga*.



UNIVERSITI  

---

MALAYSIA  

---

KELANTAN

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 PENGENALAN

Kajian ini dijalankan untuk melihat dan mengkaji dengan lebih teliti berkenaan dengan bahasa kiasan yang terdapat di dalam pantun lisan yang bertemakan kiasan dalam *Kurik Kundi Merah Saga*. Justeru itu, kajian ini bakal mencungkil dengan lebih dalam berkaitan dengan bahasa kiasan yang digunakan dan melihat kepentingan bahasa kiasan ini kepada masyarakat serta kepentingan penggunaannya di dalam puisi tradisional.

Menurut Hussain, E. M., Ali, T. I. M. T. M., & Jaafar, S. (2015, p.238) menjelaskan bahawa pantun ialah sebuah ayat-ayat keindahan yang digabung untuk menunjukkan kesan yang luar biasa kepada masyarakat dan pantun dicipta pada peringkat terawal hanyalah dua baris pantun sahaja. Oleh disebabkan penciptaan pantun dibuat melalui lisan, hal ini telah menghadirkan bentuk pantun dalam empat baris dan sebagainya. Ini juga dipanggil sebagai pantun kilat atau pembuatan pantun secara instan yang sangat mudah untuk dicipta dan masyarakat pada zaman dahulu cepat menerima perubahan tersebut. Kemudian hari semakin hari, perubahan pantun lisan diubah dengan cara tulisan. Perkara ini telah dijadikan perubahan dalam isi pemikiran dan juga gaya hidup masyarakat telah mencorakkan bentuk pantun dan isi dengan penuh variasi.

Menurut Mustofa, A (2020, p.57) , pantun lisan merujuk kepada bunyi yang memegang sebuah peranan yang penting. Menurut Sung, C. M., & bin Hussein, M. Z. (2020, p.5, 6) , pantun sastera mempunyai ciri-ciri yang unik dan boleh membezakan ciri pantun ini dengan genre puisi tradisional yang lain. Antara ciri pantun lisan ialah mempunyai rangkap-rangkap berasingan, pantun memiliki empat baris, enam baris ataupun lapan baris pada satu rangkap. Pantun juga memiliki sebuah simbol ataupun lambang yang sesuai dengan kehidupan dan sikap sesebuah masyarakat. Seperti yang diketahui secara umum, pantun mempunyai pembayang dan maksud. Maksud sebuah pantun cukup mudah untuk difahami walaupun maksud yang disampaikan memiliki pemahaman yang tersirat.

## 1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Kajian ini berlatarkan kepada bahasa kiasan yang telah digunakan dalam pantun lisan yang terkandung dalam *Kurik Kundi Merah Saga*. Latar belakang kajian ini juga melihat berfokuskan pada cara penggunaan dan kesan yang boleh dilihat pada puisi tradisional iaitu pantun lisan.

Berdasarkan kajian-kajian lepas, para pengkaji mengkaji berkenaan dengan pantun atau puisi tradisional. walaubagaimanapun, kajian berkenaan dengan bahasa kiasan yang digunakan dalam pantun lisan menerusi *Kurik Kundi Merah Saga* masih berkurang. Oleh itu, pengkaji berkesempatan untuk mengkaji atau menggali dengan lebih dalam berkaitan dengan bahasa kiasan

dalam pantun lisan yang bertemakan kepada kiasan sahaja. Hal ini demikian kerana, ia bertujuan untuk mengangkat atau untuk menjadikan bahasa kiasan ini sebagai satu aspek yang penting untuk dikenali oleh masyarakat zaman moden kini.

*Kurik Kundi Merah Saga* merupakan sebuah buku yang mengandungi pelbagai jenis tema pantun. Istimewanya buku pantun ini mengandungi pantun-pantun lisan. Secara umum, kita tahu bahawa pantun lisan ialah pantun yang disampaikan melalui mulut ke mulut daripada generasi dahulu kepada generasi sekarang. Hal ini demikian kerana, orang-orang pada zaman dahulu masih tidak mempunyai sistem tulisan yang utuh. Justeru itu, masyarakat Melayu zaman dahulu menghiburkan diri atau berkomunikasi antara sesama mereka dengan menggunakan pantun-pantun lisan. Hal ini bertujuan untuk melihat dengan lebih jelas dan menganalisis berkenaan dengan fungsi kiasan pada pantun lisan yang berkaitan dengan kehidupan masyarakat.

### **1.3 PERNYATAAN MASALAH**

Berdasarkan kajian-kajian lepas yang dibuat oleh para pengkaji mengenai tajuk pantun, kebanyakan kajian yang dihasilkan lebih tertumpu kepada kategori yang biasa dikaji contohnya seperti artikel yang bertajuk “Studi Identifikasi Jenis-Jenis Pantun Dalam Masyarakat Kaur Provinsi Bengkulu”

daripada Dedi Apriansah, Abdul Muktadir dan Herman Lusa (2018). Kesannya, kajian berkenaan dengan bahasa kiasan dalam pantun lisan masih berkurang dan jarang dikaji oleh pengkaji-pengkaji yang lain. Kajian yang dibuat sebelum ini oleh pengkaji lain tidak banyak mengkaji dan meneliti berkenaan dengan bahasa kiasan yang terkandung dalam pantun lisan. Sehubungan itu, pengkaji bakal mengupas dan meneliti dengan lebih dalam berkenaan dengan bahasa kiasan yang terkandung dalam pantun lisan yang terdapat di dalam *Kurik Kundi Merah Saga* dan kaitan antara teori pengkaedahan melayu. konklusinya, kajian ini akan melihat dengan lebih terperinci berkenaan dengan bahasa kiasan yang terdapat di dalam pantun lisan berdasarkan *Kurik Kundi Merah Saga*.

#### 1.4 PERSOALAN KAJIAN

1. Bagaimanakah bahasa kiasan ditonjolkan dalam pantun lisan?
2. Bagaimanakah aplikasi pendekatan gunaan yang digunakan dalam bahasa kiasan?

#### 1.5 OBJEKTIF KAJIAN

1. Membincangkan jenis-jenis bahasa kiasan dalam pantun lisan.
2. Menganalisis fungsi bahasa kiasan dalam pantun lisan menggunakan pendekatan gunaan.

## 1.6 METODOLOGI KAJIAN

Kajian yang digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini ialah melalui kaedah kajian kualitatif. Antara kaedah kajian kualitatif yang digunakan ialah keadah teks dan penggunaan teori pengkaedahan Melayu iaitu pendekatan gunaan. Kaedah ini merupakan kaedah utama dalam kajian. Hal ini demikian kerana, pengkaji hanya berfokuskan tentang bahasa kiasan dan fungsinya di dalam buku *Kurik Kundi Merah Saga* serta meneliti dan menganalisis dengan lebih dalam berkenaan dengan kaitan antara fungsi kiasan dalam pantun lisan dengan teori pengkaedahan Melayu iaitu pendekatan gunaan. *Kurik Kundi Merah Saga* juga memuatkan sebanyak 5653 rangkap pantun. Akan tetapi, pengkaji hanya berfokuskan kepada bahagian atau tema kiasan yang mengandungi sebanyak 60 halaman yang tercetak. Oleh itu, pengkaji bakal menganalisis beberapa pantun lisan untuk mengkaji dengan lebih terperinci berkenaan dengan bahasa kiasan yang telah digunakan di dalam pantun lisan yang bertemakan kiasan ini.

## 1.7 SKOP KAJIAN

Batasan kajian dalam kajian ini berfokuskan kepada *Kurik Kundi Merah Saga*. Terdapat pelbagai jenis tema pantun yang ada di dalam buku tersebut. Skop yang dilihat ialah bentuk dan penggunaan bahasa kiasan di dalam bait-bait ayat dalam pantun lisan yang terdapat di teks ini. Buku

ini telah dikeluarkan pada tahun 2015 daripada Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Selain itu, fokus pengkaji di dalam buku ini adalah pantun yang bertemakan kiasan sahaja. Buku Kurik Kundi Merah Saga ini mengandungi sebanyak 5653 rangkap pantun yang mengandungi pelbagai jenis tema. Oleh hal yang demikian, pengkaji hanya melihat kepada tema kiasan sahaja yang berjumlah sebanyak 371 buah rangkap pantun. Namun demikian, pengkaji hanya akan menganalisis dan mengkaji sebanyak 5 rangkap pantun yang terkandung dalam tema kiasan sahaja bagi menganalisis fungsi-fungsi bahasa kiasan dalam pantun lisan. Hal ini disebabkan oleh penggunaan teori yang akan digunakan mengikut kesesuaian pantun-pantun yang dipilih.

## 1.8 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini dibuat bertujuan untuk memartabatkan bahasa kiasan yang digunakan dalam pantun lisan. Hal ini dikatakan demikian kerana, tidak terlalu ramai masyarakat yang tertarik dengan penggunaan ayat atau bahasa kiasan di dalam puisi seperti pantun ini. Apabila pengkaji meneliti dan mencari sorotan kajian lepas yang dihasilkan oleh pengkaji-pengkaji yang lain, tidak ramai yang mengkaji berkaitan dengan penggunaan bahasa kiasan di dalam pantun lisan. Oleh itu, kajian ini sangat penting untuk menyedarkan masyarakat khususnya masyarakat Melayu berkenaan dengan penggunaan bahasa kiasan di dalam pertuturan atau di dalam puisi tradisional seperti pantun lisan.



## 1.9 PENUTUP

Kesimpulannya, sesebuah pantun itu mempunyai pelbagai tema yang boleh diletakkan sebagai tujuan untuk menyajikan kepada pembaca mengenai kreativiti pemikiran seseorang. Pentingnya sebuah bentuk kiasan pada pantun ini dapat membuktikan bahawa orang-orang pada zaman dahulu suka berkias melalui kata-kata ketika ingin memberi nasihat, memberi pengajaran, memberi sindiran, mengungkapkan ungkapan cinta dan rindu serta melepaskan amarah.

Ada pantun ini dapat membuktikan bahawa orang-orang pada zaman dahulu suka berkias melalui kata-kata ketika ingin memberi nasihat, memberi pengajaran, memberi sindiran, mengungkapkan ungkapan cinta dan rindu serta melepaskan amarah. Pantun lisan yang bertemakan kiasan ini sedikit sebanyak mengajar masyarakat generasi muda bahawa pentingnya pengolahan sesebuah kata untuk dilontarkan kepada seseorang. Pantun berbentuk kiasan dapat membuktikan bahawa pola pemikiran dan kreativiti masyarakat pada zaman dahulu sangat kreatif dan berintelektual tinggi. Pembuatan pantun mestilah dibuat dengan teliti dan perlu mempunyai simbol alam di dalamnya. Oleh itu, dapat di lihat bahawa kotak pemikiran orang-orang zaman dahulu penuh dengan ketelitian dan daya kreativiti yang sangat tinggi.

## **BAB 2**

### **SOROTAN KAJIAN LEPAS**

#### **2.1 PENGENALAN**

Bab 2 ini berkenaan dengan sorotan kajian lepas yang berkaitan dengan tajuk kajian pengkaji iaitu berkenaan dengan pantun dan bahasa kiasan. Sorotan kajian ini memudahkan untuk pengkaji melihat kajian-kajian lepas untuk dijadikan rujukan semasa menghasilkan kajian pengkaji itu sendiri. Antara sorotan kajian-kajian lepas yang dijumpai ialah kajian fungsi pantun, penggunaan pantun pada masyarakat, kajian berkenaan dengan kesan pantun dan gaya bahasa, kajian berkenaan dengan simbol dalam pantun, kajian bahasa kiasan dalam puisi barat dan kajian berkenaan dengan bahasa kiasan dalam puisi tempatan.

#### **2.2 SOROTAN KAJIAN FUNGSI DAN PENGGUNAAN PANTUN PADA MASYARAKAT**

Artikel ini bertajuk “Studi Identifikasi Jenis-Jenis Pantun Dalam Masyarakat Kaur Provinsi Bengkulu” daripada Dedi Apriansah, Abdul Muktedir, Herman Lusa (2018). Secara ringkas, jurnal ini menerangkan berkenaan jenis-jenis pantun yang ada. Antaranya ialah pantun dua kerat, pantun empat kerat, pantun lapan kerat dan lain-lain. Pengkaji juga membuat kajian ini bertujuan untuk melihat jenis-jenis pantun yang diketahui dan ada di dalam masyarakat

Kaur Provinsi Bengkulu. Di dalam jurnal ini, pengkaji juga menekankan berkaitan dengan kepentingan sesebuah pantun dalam kehidupan masyarakat. Pengkaji juga menekankan bahawa pentingnya puisi lama iaitu pantun ini untuk menjadikan pola pemikiran menjadi terbuka dan luas juga mempunyai daya kreativiti yang menarik. Secara ringkasnya, keseluruhan kajian yang ingin disampaikan oleh pengkaji iaitu Dedi Apriansah, Abdul Muktadir dan juga Herman Lusa kepada pembaca berkenaan tajuk ini ialah pengkaji menitikberatkan jenis-jenis pantun yang ada di dalam kajian supaya masyarakat yang target dalam kajian ini dapat diberi kesedaran berkenaan kepentingan untuk mengetahui jenis-jenis pantun yang diciptakan dari zaman dahulu kala lagi.

Artikel yang bertajuk “Pantun Dalam Kehidupan Melayu (Pendekatan Historis Dan Antropologis)” daripada Tuti Andriani (2012). Sorotan kajian yang dibuat oleh pengkaji di dalam jurnal ini ialah berkaitan dengan kejian pantun di dalam kehidupan melayu melalui pendekatan historis atau sejarah dan juga antropologi. Di dalam jurnal ini, pengkaji menegaskan dan mengkaji juga fungsi pantun terhadap kehidupan masyarakat Melayu dengan menggunakan pendekatan melalui sejarah dan antropologi. Secara ringkas, pengkaji juga memberitahu serba sedikit berkenaan dengan ciri-ciri puisi. Bagi puisi-puisi lama, antara ciri yang boleh dilihat ialah terikat. Sebagaimana yang diketahui secara umumnya juga ialah pantun mula meluas secara lisan dari masyarakat Melayu pada zaman dahulu Tuti Andriani (2012) juga menyentuh berkaitan dengan jati diri dan juga identiti masyarakat Melayu melalui pegangan dan penggunaan pantun. Hal ini demikian kerana, pantun digunakan di pelbagai

acara dan majlis yang menjadikan pantun itu bukan sekadar pengucapan kata tetapi sebagai identiti dan jati diri orang Melayu.

Artikel yang bertajuk “Kelestarian Pantun: Rencah Dan Leluhur Bangsa Dulu, Kini Dan Selamanya” daripada Siti Hajar Che Man (2013). Secara ringkasnya, pengisian jurnal ini adalah berkenaan dengan identik dan nilai yang ada pada pantun. Pengkaji menegaskan bahawa sesebuah pantun sangat boleh dihubungkan dengan sesebuah kehidupan masyarakat atau seseorang individu. Hal ini demikian, pantun-pantun yang diciptakan adalah berdasarkan pengalaman hidup pencipta pantun tersebut dan juga mengandungi sisi kehidupan yang utuh yang ditunjukkan di dalam pantun di samping menyajikan pengajaran kepada masyarakat. Sorotan kajian ini juga menjelaskan berkenaan dengan sifat halus pantun dan juga nilai estetika yang dipersembahkan di dalam pantun. Gaya bahasa dan juga bahasa kiasan sangat wajib digunakan di dalam sesebuah pantun. Hal ini demikian, penggunaan bahasa kiasan dan gaya bahasa pada puisi seperti pantun dapat menjadikan pantun sebuah karya sastera yang mempunyai nilai yang tinggi dan daya kreativiti yang luas. Hal ini membuatkan pantun menjadi salah satu puisi karya sastera yang sangat istimewa. Pengkaji iaitu Siti Hajar Che Man juga menjelaskan di dalam jurnal ini juga tentang proses karya sastera pantun ini disiapkan. Penciptaan pantun yang baik adalah dengan memasukkan unsur-unsur yang selalu digunakan oleh pencipta pantun. Sebagai contoh, penerapan gaya bahasa, penerapan bahasa kiasan, penerapan nilai murni dan pengajaran, pengungkapan emosi dan pengungkapan perasaan. Unsur-unsur akan menghasilkan pantun yang sempurna dari pelbagai kategori.

Artikel yang bertajuk “Pantun Sebagai Perakam Norma: Penelitian Awal Terhadap Keluarga Melayu” daripada Fatimah Abdullah (2009). Secara ringkas, pengkaji mempersembahkan jurnal ini berkenaan dengan penelitian awal adab berpantun dalam perkahwinan dan juga dalam keluarga Melayu. Sorotan kajian ini juga ialah berkenaan dengan fungsi-fungsi pantun di dalam sesebuah majlis seperti majlis perkahwinan atau dipanggil sebagai majlis pernikahan. Oleh itu, pengkaji iaitu Fatimah Abdullah (2009) menegaskan bahawa kajian jurnal beliau juga merupakan satu pemerhatian dan juga tinjauan yang umum berkaitan pantun dalam kekeluargaan dan juga perkahwinan. Fatimah Abdullah (2009) juga berkongsi berkenaan dengan fungsi yang ada pada keluarga dan juga peranan yang ada pada ibu bapa. Oleh itu, pengkaji juga mengkaji tentang fungsi dan peranan ibu bapa dalam menjadikan proses perkahwinan berjalan dengan lancar. Hal ini demikian kerana, keluarga atau ibu bapa memainkan peranan yang cukup penting bagi menjadikan sebuah perkahwinan sang anak berjalan dengan lancar, sempurna dan tanpa gangguan. Dapat disimpulkan bahawa, amalan pantun dalam sebuah perkahwinan atau pernikahan sangat penting untuk menghidupkan dan menyambung warisan dari turun temurun.

Artikel yang bertajuk “Fungsi Pantun Melayu Tradisional Dilihat Dari Perspektif Budaya Dan Alam Pemikiran Masyarakat Melayu” daripada Cho Min Sung dan Mat Zaid bin Hussein (2020). Secara ringkas, jurnal ini mempersembahkan tentang fungsi-fungsi pantun melayu yang akan dilihat daripada perspektif budaya dan juga alam pemikiran daripada masyarakat Melayu itu sendiri. Ungku Aziz (2011) menyatakan bahawa karya sastera

pantun ini merupakan puisi lama yang telah wujud dan digunakan sejak dahulu lagi dan juga dikenali oleh masyarakat daripada nusantara. Beliau mengatakan bahawa puisi lama iaitu pantun ini lahir bersama-sama dengan kewujudan masyarakat Melayu. pantun juga dikatakan sebagai alat untuk berkomunikasi antara masyarakat melayu tersebut dan juga alat untuk mengeratkan tali silaturahmi sesama mereka. Sorotan kajian dalam jurnal ini juga berkongsi berkenaan dengan asal usul dan juga pengertian bagi sesebuah pantun. Para pengkaji iaitu Cho Min Sung dan Mat Zaid bin Hussein mengkaji dan meneliti berkaitan fungsi-fungsi pantun melayu tradisional. Oleh itu mereka melihat fungsi pantun tersebut berdasarkan budaya dan juga pemikiran daripada masyarakat Melayu itu sendiri. Oleh itu, para pengkaji menegaskan bahawa tujuan jurnal ini dilakukan adalah untuk melihat sejauh mana peranan sebuah pantun dapat mempengaruhi alam kehidupan masyarakat Melayu dan hubungannya dalam nilai moral, nilai budi an pemikiran masyarakat yang ada di dalam pantun-pantun melayu yang telah diciptakan daripada zaman dahulu kala lagi.

Artikel yang bertajuk “Penggunaan Pantun Pada Adat Perkahwinan Di Tanjung Kepulauan Riau Sebagai Media Komunikasi” daripada Zukha Mega Priyhangka, M.I Asyarin Hayau Lailin dan Rakhmad Saiful (2021). Secara ringkas, jurnal yang dipersembahkan oleh para pengkaji ialah berkenaan dengan penggunaan pantun dalam adat perkahwinan di tanjung kepulauan Riau sebagai alat atau media untuk berkomunikasi. Para pengkaji menegaskan bahawa tujuan jurnal ini dibuat adalah untuk meneliti dan membuat tinjauan berkenaan dengan penggunaan pantun yang dibuat

semasa adat perkahwinan dijalankan. Tempat yang difokuskan hanyalah di tanjong kepulauan Riau sahaja. Oleh itu, para pengkaji melihat lebih jauh berkenaan penggunaan pantun dalam adat perkahwinan di tanjong kepulauan Riau dan melihat proses adat perkahwinan tersebut dijalankan. Sorotan kajian jurnal ini juga ada menegaskan berkaitan pantun sebagai alat atau media berkomunikasi di dalam adat perkahwinan. Media atau alat komunikasi yang dimaksudkan ialah proses membalas pantun di dalam adat perkahwinan tersebut. Dapat disimpulkan melalui jurnal ini bahawa para pengkaji berhasil meneliti dan membuat tinjauan berkenaan tajuk mereka. Oleh itu, para pengkaji juga menjelaskan bahawa pantun sememangnya sesuai dijadikan alat atau media untuk komunikasi antara seseorang individu dengan individu yang lain. Hal ini secara tidak langsung dapat menggambarkan bahawa masyarakat Melayu ialah masyarakat yang peramah, baik hati dan juga mudah mengembangkan jalur hubungan sesama mereka.

Artikel yang bertajuk “Struktur Dan Fungsi Pantun Pembuka Dan Penutup Majlis Dalam Adat Melayu” oleh Zia Hisni Mubarak (2020). Secara ringkas, pengkaji membuat artikel ini bertujuan untuk meneliti berkaitan dengan fungsi dan juga struktur pantun pembuka dan pantun penutup di dalam sesebuah majlis masyarakat Melayu. Kita boleh lihat lebih jelas tentang budaya dimana budaya ialah perkara yang dilakukan sehingga disambung dari generasi ke generasi atau dari turun temurun. Oleh itu, pengkaji mengajak pembaca artikel untuk sama-sama melihat dan meneliti sendiri berkenaan dengan struktur dan juga fungsi pantun pembuka dan pantun penutup majlis dalam adat Melayu. Sorotan kajian yang jelas dapat dilihat di dalam artikel yang

dibawa oleh Zia Hisni Mubarak (2020) ialah berkenaan dengan fungsi untuk pantun awal dan juga pantun akhir pada sesebuah majlis dalam adat Melayu. menurut Tafifin (2015), beliau menyatakan bahawa pantun pembuka atau pantun awal dibuat untuk menghantarkan pesanan ringkas dan untuk menyambut kedatangan pihak lain yang datang untuk menyambung tali hubungan di antara dua belah keluarga. Begitu juga fungsi bagi pantun akhir atau dipanggil pantun penutup. Pantun penutup ini juga dibuat untuk merasmikan penutupan pantun-pantun yang saling berbalas. Secara keseluruhannya, artikel ini meneliti fungsi-fungsi disebalik pantun pembuka dan pantun penutup. Pengkaji juga telah mengkaji beberapa jenis rangkap pantun untuk mengetahui dengan lebih mendalam berkenaan maksud sesebuah pantun yang disampaikan di dalam majlis di dalam adat masyarakat Melayu.

Artikel yang bertajuk “Struktur Dan Fungsi Pantun Pulang-Memulangkan Pada Upacara Perkahwinan Masyarakat Melayu Sambas” oleh Hambali, Chairil Affendy dan Abadi Sulissusiawan (2013). Secara ringkasnya, artikel yang dipersembahkan oleh para pengkaji adalah berkenaan dengan struktur dan juga fungsi-fungsi pantun pulang-memulangkan pada upacara perkahwinan masyarakat Melayu Sambas. Sorotan kajian dalam artikel ini jelas berkenaan dengan kajian untuk meneliti dan menganalisis bagaimana struktur dan juga fungsi bagi pantun-pantun yang digunakan di dalam sesebuah upacara atau majlis penting iaitu perkhawinan. Perkara ini dilihat lebih dalam lagi dimana pengkaji meneliti kebudayaan yang ada di dalam masyarakat Kabupaten Sambas. Bagi mereka, penggunaan pantun penting



kerana setiap pantun dapat memberi kata-kata nasihat dan kata-kata baik yang dapat merangsang dan mempengaruhi kehidupan sekelompok masyarakat. Secara keseluruhan, jelaslah bahawa pantun pulang-memulangkan digunakan di dalam upacara majlis perkahwinan masyarakat Melayu Sambas. Terdapat 90 pantun yang tersedia di dalam pantun tradisional tersebut. Pengkaji berpendapat bahawa pantun pulang-memulangkan ini sangat sesuai digunakan di mana-mana upacara-upacara yang dilakukan termasuk bahan untuk pembelajaran di sekolah.

Artikel yang bertajuk “Struktur Dan Fungsi Pantun Minangkabau Dalam Masyarakat Pasa Lamo, Pulau Junjung, Dharmasraya” oleh Leo Fandi, Agustina dan Nurizzati (2012). Secara ringkasnya, artikel yang dipersembahkan oleh para pengkaji ialah kajian terhadap struktur dan juga fungsi pantun Minangkabau dalam masyarakat Pasa Lamo, Pulau Junjung, Dharmasraya. Daripada kajian para pengkaji, masyarakat Pasa Lamo sering menggunakan pantun Minangkabau kerana pantun sudah digunakan sejak zaman dahulu kala lagi iaitu daripada nenek moyang mereka. Penggunaan pantun Minangkabau dalam masyarakat Pasa Lamo sama juga dengan masyarakat Melayu yang mementingkan pantun sebagai warisan yang di turun temurun oleh nenek moyang mereka. Secara keseluruhannya ialah artikel ini dibuat oleh para pengkaji untuk melihat dan meneliti dengan lebih jelas dan dalam berkenaan dengan pantun Minangkabau yang digunakan oleh masyarakat Pasa Lamo.

Artikel yang bertajuk “Nilai Budaya Dalam Sastera Lisan Masyarakat Aceh Jaya” yang dihasilkan oleh Erfinawati dan Ismawirna (2019). Secara ringkasnya, artikel ini mempersembahkan berkenaan dengan penelitian terhadap nilai budaya yang terkandung dalam sastera lisan masyarakat Aceh Jaya. Kebudayaan adalah sesuatu yang penting dan perkara yang dilihat dari permulaan segala sudut. Kebudayaan yang diperlihatkan oleh sekumpulan masyarakat dapat menjelaskan bentuk dan jenis perilaku sesebuah masyarakat tersebut. Oleh itu, pengkaji iaitu Erfinawati dan Ismawirna (2019) menegaskan bahawa nilai budaya di dalam sastera lisan masyarakat Aceh Jaya ini bertepatan dengan ekspektasi mereka. Hal ini demikian kerana, nilai budaya yang diperlihatkan oleh masyarakat sangat baik dan penuh dengan nilai-nilai yang positif.

Artikel yang bertajuk “Pengaruh Sastra Lisan Pantun Pada Puisi Anak-Anak Indonesia” yang dihasilkan oleh Tri Mulyono (2017). Secara ringkas, artikel yang dipersembahkan oleh Tri Mulyono (2017) ialah berkenaan dengan pengaruh sastera lisan pantun yang terkandung dalam puisi anak-anak Indonesia. Kita tahu bahawa sastera lisan seperti pantun ini memberi pengaruh yang sangat besar kepada alam sekeliling dan juga sisi kehidupan manusia. Menurut Susanto (2015), beliau berpendapat bahawa pantun mempunyai pengaruh besar kepada alam semesta dan pantun ini mempunyai ciri-cirinya yang tersendiri. Ciri-ciri pantun boleh dilihat berdasarkan baris dalam rangkap pantun, rima akhir dan juga penggunaan bait-bait kata di dalam pantun iaitu penggunaan gaya bahasa yang tertentu. Hal ini bertujuan untuk menyempurnakan lagi ayat di bahagian pembayang dan juga maksud.

Kesimpulannya, sorotan kajian lepas yang menyorot berkaitan dengan fungsi dan penggunaan pantun kepada masyarakat dapat memberi idea dan boleh melihat sebilangan besar mengkaji mengkaji pantun yang berkaitan dengan masyarakat di luar sana.

### **2.3 SOROTAN KAJIAN KESAN PANTUN DAN GAYA BAHASA**

Artikel yang bertajuk unsur metafora dalam puisi lisan tradisional Kadazandusun oleh Norjietta Julita binti Taisin (2019). Secara ringkasannya, jurnal ini adalah berkenaan dengan kajian berdasarkan unsur metafora yang terkandung di dalam puisi-puisi lisan tradisional masyarakat Kadazandusun. Unsur metafora atau gaya bahasa metafora ini selalu digunakan di dalam mana-mana puisi tradisional. Hal ini bertujuan untuk menjadikan sebuah puisi itu lebih bermakna melalui penggunaan ayat yang indah dan estetik tambahan lagi untuk menjadikan sebuah puisi itu sempurna dan dapat menarik perhatian pembaca. Secara keseluruhannya dapat disimpulkan bahawa, kaum Kadazandusun juga mengamalkan penggunaan gaya bahasa metafora di dalam puisi lisan tradisional Kadazandusun. Hal ini demikian, gaya bahasa metafora atau bahasa kiasan memang wajib dimasukkan di dalam sebuah puisi bagi menjadikan puisi-puisi tradisional tersebut sempurna melalui ayat-ayat dan bait-bait kata yang terpapar di dalam puisi-puisi lisan tradisional.

Artikel yang bertajuk “Satra Lisan Menolak Mati: Cerita Dan Pantun Islami Sebagai Media Dakwah Di Punggur, Pontianak” dihasilkan oleh Saripaini (2019). Secara ringkasannya, jurnal ini berkenaan dengan pengkaji yang mengkaji dan meneliti berkaitan dengan sastera lisan iaitu menganalisis cerita dan pantun yang bertemakan agama dan Islam sebagai satu media dakwah yang digunakan di Punggur, Pontianak. Puisi lama seperti pantun ini sememangnya mempunyai pelbagai tema dan salah satu yang menjadi kajian untuk Saripaini (2019) ialah pantun yang mengandungi tema dan unsur-unsur Islam. Secara kesimpulannya iailah kajian jurnal ini berjaya membuktikan bahawa penggunaan pantun juga boleh dijadikan sebagai media atau alat untuk menyampaikan dakwah. Hal ini dikatakan demikian kerana, pantun juga mengandungi penggunaan kata yang boleh merangsang manusia untuk berubah kerana pengisian ilmu yang terdapat dalam pantun juga adalah nasihat, pengajaran dan nilai-nilai moral serta nilai agama.

Kesimpulannya, sorotan kajian lepas berkaitan dengan kesan pantun kepada masyarakat dan gaya bahasa yang digunakan, ia sedikit sebanyak membantu pengkaji untuk meneliti dengan lebih dalam berkenaan dengan gaya bahasa kiasan yang bakal digunakan dalam kajian pengkaji.

## 2.4 SOROTAN KAJIAN PENGGUNAAN SIMBOL DALAM PANTUN

Artikel yang bertajuk Simbol Tumbuhan Dalam Pantun Dari Perspektif Puitika Sastera Melayu daripada Eizah Mat Hussain, Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali dan juga Salinah Jaafar (2015). Secara ringkasnya, kajian yang dipersembahkan di dalam jurnal ini ialah berkenaan dengan simbol-simbol tumbuhan yang terkandung di dalam pantun dan maksudnya di sebalik perspektif sastera Melayu. Pengkaji-pengkaji iaitu Eizah Mat Hussain, Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali dan Salinah Jaafar (2015) menyatakan bahawa simbol membawa makna unsur sesuatu bahasa yang sangat penting untuk digunakan di dalam puisi-puisi seperti contohnya pantun. Hal ini demikian kerana, simbol yang ada di dalam pantun boleh dijadikan sesebuah makna atau perkataan yang tersurat dan juga tersirat. Di dalam jurnal yang bertajuk simbol tumbuhan dalam pantun dari perspektif puitika sastera Melayu, pengkaji menerangkan bahawa analisis yang dilakukan ialah untuk menganalisis dan juga mengkaji simbol-simbol tumbuhan yang ada di dalam pantun-pantun Melayu.

Artikel yang bertajuk “Pantun Melayu Sebagai Kebitaraan Minda Melayu” daripada Nirwana Sudirman dan Zulkifley Hamid (2016). Secara ringkasnya, jurnal yang dipersembahkan oleh para pengkaji ini ialah berkenaan dengan kajian mereka dalam meneliti dan melihat dengan lebih jauh tentang pemikiran orang-orang Melayu di dalam penciptaan pantun. Para pengkaji juga telah menggunakan buku Kurik Kundi Merah Saga (2013) untuk melihat

dengan lebih mendalam berkenaan dengan pelbagai jenis tema di dalam pantun yang ada di dalam buku hasil terbitan daripada Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Sorotan kajian yang diperlihatkan oleh para pengkaji iaitu Nirwana Sudirman dan juga Zulkifley Hamid (2016) ialah bahasa dikategorikan sebagai cerminan minda seseorang manusia atau sekelompok masyarakat. Kajian yang terlibat di dalam jurnal yang dibuat oleh para pengkaji juga ialah dengan menganalisis beberapa gaya bahasa yang terdapat di dalam puisi-puisi Melayu. sebagai contoh, penggunaan gaya bahasa metafora di dalam puisi-puisi Melayu. secara keseluruhannya, para pengkaji menegaskan bahawa kajian ini berjaya melihat sudut yang lebih dalam berkenaan pemikiran masyarakat atau orang Melayu dimana pemikiran masyarakat Melayu sangat terpengaruh dengan alam dan juga apa yang berlaku pada sekeliling mereka.

Artikel yang bertajuk “Analisis Stilistika Dalam Buku Pantun-Pantun Melayu Kuno Karya Haji Ibrahim” daripada Susanti dan Mirna (2018). Secara ringkasnya, artikel ini mengenai kajian untuk menganalisis stilistika dalam buku pantun-pantun Melayu kuno karya Haji Ibrahim. Kajian ini dibuat adalah bertujuan untuk melihat dan menganalisis berkenaan gaya bahasa yang digunakan, bahasa kiasan yang terdapat dalam pantun-pantun karya Haji Ibrahim dan juga menganalisis pemilihan kata yang terdapat di dalam pantun-pantun Melayu kuno karya Haji Ibrahim. Berdasarkan kajian, pengkaji iaitu Susanti dan Mirna (2018) telah menganalisis beberapa pantun karya Haji Ibrahim menggunakan teori-teori yang tertentu. Pengkaji juga telah menggunakan metode yang menggunakan kaedah kualitatif. Hasil daripada

penelitian para pengkaji ialah dapat disimpulkan bahawa karya-karya sastera ini bukan sahaja berunsur cerita atau penggunaan bahasa yang indah sahaja malahan segala pesanan, nasihat dan pengajaran diletakkan juga di dalam karya sastera. Hal ini bertujuan untuk menyedarkan masyarakat dan pembaca bahawa karya sastera ini bukan sahaja karya yang sekadar hiburan akan tetapi karya yang berisikan segala ilmu-ilmu yang bermanfaat dan baik untuk kehidupan seseorang individu. Selain itu, pengkaji meneliti bahawa ada penggunaan beberapa gaya bahasa seperti gaya bahasa metafora, gaya bahasa personifikasi, gaya bahasa simile dan banyak lagi. Terbuktilah disini bahawa pantun yang dicipta bukan sekadar pantun yang biasa tetapi dapat memenuhi jiwa seorang pembaca dan juga mempengaruhi sisi baik dalam masyarakat.

Artikel yang bertajuk “Nilai-Nilai Islam Dalam Pantun Melayu: Analisis Pantun Utara Dalam Buku Kurik Kundi Merah Saga” oleh Mohd Fairus bin Majid (2017). Secara ringkas, artikel yang dipersembahkan oleh pengkaji iaitu Mohd Fairus bin Majid (2017) ialah kajian berkenaan dengan nilai-nilai Islam yang terkandung di dalam pantun Melayu dan menganalisis pantun utara yang terkandung di dalam buku Kurik Kundi Merah Saga.

Artikel yang bertajuk “Rima Dan Makna Pantun Dalam Tradisi Lisan Gambang Rancag Dengan Pendekatan Hermeneutik” daripada Jayakandi, E. Zaenal Arifin dan Bambang Sumadyo (2021). Sorotan kajian yang dipersembahkan di dalam artikel ini ialah berkenaan dengan kajian untuk

menganalisis rima dan juga makna pantun di dalam tradisi lisan Gambang Rancag dengan menggunakan pendekatan hermeneutik. Para pengkaji juga mengkaji berkenaan dengan jenis-jenis rima yang ada di dalam pantun. Secara umum, kita tahu bahawa sastera lisan merupakan cerita-cerita yang dituturkan dan mula berkembang dengan baik dari warisan ke warisan atau dari generasi ke generasi. Sastera lisan itu sendiri telah menyimpan banyak nilai-nilai budaya dan warisan serta aspek-aspek kehidupan nyata sekelompok masyarakat atau seseorang manusia. Oleh itu, kajian ini dibuat untuk meneliti dengan lebih dalam mengenai makna pantun dan juga rima yang digunakan di dalam pantun dengan menggunakan salah satu pendekatan iaitu pendekatan hermeneutik.

Artikel yang bertajuk “Peranan Wanita Dalam Tradisi Lisan Carita Pantun Nyai Sumur Bandung” yang dihasilkan oleh Yuzar Purnama (2019). Secara ringkasnya, artikel yang dipersembahkan oleh pengkaji ialah berkenaan dengan peranan Wanita di dalam tradisi lisan di dalam pantun Nyai Sumur Bandung. Penelitian ini dibuat untuk mengangkat dan menaikkan martabat Wanita di dalam dunia sastera. Daripada Muryani (2012), beliau memberi pandangan berkenaan dengan tradisi lisan yang mana masyarakat sedia ambil maklum bahawa tradisi lisan ini merupakan leluhur yang telah menyimpan banyak nilai seperti kebijaksanaan, pola pemikiran, daya kreativiti dan juga pengungkapan perasaan dan emosi. Semua unsur-unsur itu telah digabung dan diletakkan di dalam sesebuah pantun. Hal ini bertujuan untuk menunjukkan kepada masyarakat bahawa pantun ini bukan sekadar tradisi lisan yang biasa tetapi mempunyai banyak nilai pengaruh baik kepada



masyarakat itu sendiri. Oleh itu, peranan Wanita juga perlu diletakkan di dalam pantun. Hal ini supaya masyarakat tahu bahawa Wanita bukan sekadar golongan yang halus dan lembut tetapi Wanita ialah golongan yang bijaksana yang boleh menjadi tulang belakang bagi para lelaki.

Artikel yang bertajuk “Unsur Burung Dalam Pantun: Analisis Semantik Inkuisitif” dihasilkan oleh Maulana Al-Fin Che Man dan Nor Hashimah Jalaluddin (2018). Secara ringkasnya, artikel ini memaparkan berkenaan dengan kajian pengkaji untuk mengkaji unsur burung yang terkandung di dalam pantun iaitu analisis semantic inkuisitif. Secara umum, kita tahu bahawa hubungan pantun dengan masyarakat khususnya masyarakat Melayu sangat erat dan mempunyai pertalian yang utuh. Hal ini dikatakan demikian kerana, pantun merupakan salah satu puisi lama yang terkandung dalam karya sastera dan wujud pada alam Melayu sejak dahulu kala lagi. Pengkaji iaitu Maulana Al-Fin Che Man dan juga Nor Hashimah (2018) meneliti dan mendalami maksud dan fungsi unsur burung yang diletakkan di dalam pantun. Selain itu, para pengkaji juga mengkaji berkenaan dengan fungsi sebuah pantun yang boleh dikategorikan seperti menganalisis pembayang dan maksud pantun, menganalisis penggunaan bahasa kiasan, penggunaan gaya bahasa dan daya kreativiti dalam penghasilan sesebuah pantun. Secara keseluruhannya adalah pengkaji telah berjaya meneliti dan mengkaji berkenaan dengan unsur-unsur burung yang digunakan di dalam pantun.

Artikel yang bertajuk “Pantun Sebagai Bentuk Nilai Budaya Sastra Banjar” yang dihasilkan oleh Muhammad Maulana dan Syarifuddin (2022). Secara ringkasnya, artikel yang dihasilkan oleh para pengkaji adalah berkenaan dengan pantun yang dinilai sebagai bentuk nilai budaya sastra dalam masyarakat Banjar. Pengkaji mengkaji dengan lebih mendalam berkenaan dengan masyarakat Banjar yang sangat terbiasa dengan sastra lisan dari segi prosa dan juga puisi. Menurut Tajuddin Noor Ganie (2006), beliau menegaskan bahawa puisi berkaitan dengan rakyat secara umumnya ditulis dalam bahasa biasa tetapi telah ditukar ke bahasa yang difahami oleh masyarakat Banjar itu sendiri. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa pantun adalah salah satu puisi lama yang dianggap sebagai peninggalan daripada sastra tradisional yang masih hidup dan digunakan oleh sebahagian masyarakat di Banjar. Secara kesimpulannya, kewujudan sastra lisan seperti pantun lisan ini digelar sebagai fenomena budaya yang mengandungi sifat yang universal iaitu sebagai hasil pemikiran sekelompok masyarakat.

Artikel yang bertajuk “Pantun Sahur Dalam Sastra Lisan Banda Neira” dihasilkan oleh Eca Wongsopatty (2020). Sorotan kajian yang dipaparkan di dalam jurnal ini adalah kajian yang berkenaan dengan pantun sahur iaitu salah satu pantun lisan yang masih digunakan oleh masyarakat di Banda. Pengkaji menerangkan bahawa pantun sahur ini ialah pantun yang digambarkan sebagai nyanyian yang dilontarkan menggunakan penggunaan bahasa yang lama pada bulan puasa. Oleh itu, pengkaji mengkaji dan menghasilkan jurnal ini adalah untuk berkongsi dan menganalisis makna disebalik pantun-pantun sahur yang popular dalam masyarakat Banda.

Melalui hasil kajian oleh pengkaji, pantun sahur selalu digunakan oleh masyarakat di desa Lautang Kec. Banda Kabupaten Maluku Tengah. Sastra lisan juga merupakan sebahagian daripada tradisi yang selalu digunakan dan diamalkan di dalam masyarakat tersebut ketika datangnya bulan puasa. Pantun-pantun sahur ini juga sama dengan pantun-pantun lama lain iaitu mempunyai nilai-nilainya yang tersendiri seperti nilai murni atau moral, nilai keagamaan, nilai kasih sayang, nilai teladan dan juga nilai pengajaran. Pantun ini sangat penting masyarakat Banda kerana bagi mereka penggunaan pantun ini dapat merubah kehidupan mereka dengan lebih baik dan positif.

Kesimpulannya, sorotan kajian lepas yang berkenaan dengan simbol yang ada pada pantun dapat memberi gambaran yang jelas dan rujukan yang baik untuk pengkaji melakukan kajian yang berkaitan dengan pantun lisan ini.

## **2.5 SOROTAN KAJIAN PENGGUNAAN BAHASA KIASAN DALAM PUISI BARAT**

Artikel yang bertajuk “Bahasa Kiasan Dalam Puisi-Puisi Karya Carl Sandburg” daripada Hakryan Alotia (2016). Secara ringkasnya, jurnal ini dikategorikan sebagai bentuk seni yang telah menggunakan bahasa yang penuh dengan keindahan dan juga ayat-ayat yang tersurat dan tersirat, Pengkaji juga

menyentuh berkenaan dengan bahasa kiasan yang digunakan oleh Carl Sandburg di dalam puisi-puisinya.

Artikel yang bertajuk “Bahasa Kiasan Dalam Puisi-puisi karya Robert Burns” daripada Dewi Utama Putri Pangerang (2017). Ringkasan kajian dalam jurnal ini ialah berkenaan dengan puisi-puisi daripada karya Robert Burns. Di dalam jurnal ini, pengkaji juga menyentuh berkenaan dengan kepentingan sesebuah puisi-puisi lama atau salah satunya dipanggil sebagai pantun. Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan teori yang berkait dengan bahasa kiasan. Ia juga menjelaskan berkenaan beberapa jenis bahasa kiasan seperti personifikasi, simile, metafora, ironi, sinkof dan banyak lagi. Secara keseluruhan dalam jurnal ini, pengkaji telah memfokuskan kajiannya kepada penggunaan bahasa kiasan dalam puisi-puisi karya Robert Burns.

Artikel yang bertajuk “Bahasa Kiasan Dalam Puisi-Puisi Karya William Butler Yeats” daripada Triosatri Samuel Sadrjono (2013). Ringkasan kajian dalam jurnal ini adalah berkenaan dengan bahasa kiasan yang digunakan oleh William Butler Yeats dalam karya puisi-puisi beliau. Sorotan kajian ini ialah berkenaan dengan karya yang dibuat oleh William Butler Yeats. Beliau juga merupakan seorang penyair yang dikenali oleh masyarakat setempat dan dari generasi ke generasi baru. Beliau juga seorang pelopor dengan kemahiran membuat puisi yang penuh dengan bahasa kiasan yang indah dan penggunaan bait-bait tradisional dalam karya puisi-puisinya.

Artikel yang bertajuk “Pantun: Jejak Tradisi Lisan Bangsa Melayu Di Perancis” dihasilkan oleh Andi Mustofa (2020). Secara ringkas, artikel ini mengenai kajian pantun iaitu jejak tradisi lisan bagi bangsa Melayu yang ada di Perancis. Kita tahu bahawa pantun merupakan salah satu media atau alat yang sangat penting untuk menghidupkan sesuatu percakapan atau komunikasi antara dua orang atau lebih. Pantun juga berfungsi untuk memberikan dan mengungkapkan rasa cinta, kasih sayang, nasihat, pengajaran dan ada juga yang berunsur sindiran tetapi digunakan dengan bahasa kiasan atau tersirat supaya pendengar pantun tersebut tidak mudah untuk berkecil hati. Begitu juga di Perancis. Penggunaan pantun atau tradisi lisan masih hidup di negara tersebut. Menurut Andriani (2012), beliau berpendapat bahawa pantun-pantun lisan digunakan untuk menyambung komunikasi antara masyarakat zaman dahulu dan juga masyarakat zaman sekarang yang dinilai kurang mempunyai nilai budaya di dalam diri mereka.

Kesimpulannya, sorotan kajian lepas berkenaan dengan puisi-puisi barat telah memberi inspirasi dan rujukan yang baik untuk pengkaji memahami maksud sebenar puisi dan penggunaannya kepada pembaca. Puisi-puisi barat yang telah ditonjolkan dalam sorotan kajian lepas dapat digunakan untuk meneliti lebih dalam berkaitan dengan tajuk pengkaji.

## 2.6 SOROTAN KAJIAN PENGGUNAAN BAHASA KIASAN DALAM PUISI TEMPATAN

Artikel yang bertajuk “Analisis Perlambangan Dan Makna Kiasan Dalam Antologi Puisi Lautan Zikir Karya Husnu Abadi” daripada Dina Komalasari (2019). Secara ringkasnya, jurnal ini mengkaji berkenaan karya sastera yang dijadikan sebagai media yang berunsur hiburan dan juga berunsur pengajaran untuk masyarakat yang ada di luar sana. Hal ini dikatakan demikian kerana, karya-karya sastera seperti puisi yang dikaji ialah puisi yang memiliki tema agama dan ini sudah pasti memberikan kesan yang mendalam kepada pembaca yang membaca “Antologi Puisi Zikir Lautan Karya Husnu Abadi”. Puisi yang sebegini secara sedar atau tidak sedar dapat memberi gambaran berkenaan perasaan seorang hamba kepada tuhan yang maha kuasa dan abadi. Dapat disimpulkan bahawa, pengkaji menjelaskan beberapa fungsi bahasa kiasan dan juga beberapa jenis bahasa kiasan yang digunakan di dalam antologi puisi Lautan Zikir karya sastera sekalipun sangat penting di mata dunia dan juga di mata masyarakat yang memahami dan menghayatinya.

Artikel yang bertajuk “Analisis Gaya Bahasa Kiasan Pada Kumpulan Puisi ‘Untukmu Pena Inspirasi’” daripada Abdullah Rochim (2021). Pengkaji telah melakukan beberapa analisis mengenai gaya bahasa kiasan pada kumpulan puisi yang bertajuk ‘Untukmu Pena Inspirasi’. Secara ringkasnya, artikel ini berkenaan dengan analisis yang dilakukan oleh pengkaji iaitu Abdullah

Rochim(2021) berkenaan gaya bahasa kiasan. Pengkaji juga mengkaji beberapa jenis gaya bahasa yang digunakan dalam kumpulan puisi 'Untukmu Pena Inspirasi'. Hasil daripada analisis-analisis yang dibuat oleh pengkaji, terdapat bahasa kiasan metafora dan personifikasi di dalam puisi.

Artikel yang bertajuk "Makna Kiasan Fungsi Pantun Maantau Tando Desa Lipatkain Kecamatan Kampar Kiri Kabuputen Kampar" daripada Harlinda (2020). Secara ringkasnya, artikel ini membahaskan berkenaan dengan makna kiasan dan juga fungsi pantun kepada masyarakat sekitarnya. Penelitian yang dilakukan oleh pengkaji iaitu Harlinda (2020) juga menekankan di dalam kajian ini bahawa makna kiasan merupakan elemen yang sangat penting beserta fungsinya. Pengkaji juga menegaskan bahawa pantun akan digunakan sehari sebelum berlakunya proses ijab Kabul atau dipanggil sebagai proses akad nikah oleh masyarakat di desa Lipatkain. Di dalam artikel ini juga, pengkaji meneliti berkenaan dengan latar belakang masyarakat yang ingin dikaji di dalam kajiannya iaitu masyarakat daripada desa Lipatkain. Sesebuah masyarakat mempunyai ragam dan cara kehidupan yang tersendiri. UU. Hamidy (2011) juga berpendapat bahawa sesebuah masyarakat yang berpegang kepada adat merupakan masyarakat yang yang taat dan terpelihara. Oleh itu, secara keseluruhan daripada kajian artikel ini, pengkaji merumuskan bahawa masyarakat di Desa Lipatkain itu merupakan masyarakat yang masih berpegang kepada adat dan warisan mereka. Pengkaji juga ada membahaskan berkenaan dengan fungsi pantun kepada masyarakat dan juga makna kiasan di sebalik ayat yang digunakan di dalam pantun-pantun yang digunakan oleh mereka semasa proses akad nikah.

Kesimpulannya, sorotan kajian lepas berkenaan dengan puisi tempatan ini membolehkan pengkaji melihat sebanyak mana atau seluas mana penggunaan puisi yang digunakan oleh pengkaji-pengkaji tempatan. Hal ini bakal membantu pengkaji untuk meningkatkan hasil kajian bahasa kisan yang tidak ramai lagi dikaji oleh pengkaji-pengkaji lepas.

## **2.7 PENUTUP**

Keseluruhan sorotan kajian lepas yang dicari dan didapati ini sebahagian besar mempunyai kaitan dengan kajian yang bakal dibuat oleh pengkaji iaitu berkenaan dengan pantun lisan dan juga penggunaan bahasa kiasan di dalam pantun tersebut. Hasil sorotan kajian lepas yang dijumpai ini dapat membantu pengkaji untuk mengkaji dan menganalisis dengan lebih dalam berkenaan dengan bahasa kiasan dalam pantun lisan ini. Hal ini demikian kerana, kajian bahasa kiasan terutamanya dalam pantun lisan masih berkurang dan tidak diketahui oleh pembaca atau pengkaji lain. Oleh itu, Sorotan kajian lepas ini boleh membantu pengkaji untuk mengkaji dengan lebih luas berkaitan dengan kajian bahasa kiasan dalam pantun lisan dengan mengaplikasikan teori pengkaedahan Melayu untuk memantapkan lagi kajian tersebut.



## BAB 3

### METODOLOGI KAJIAN

#### 3.1 PENGENALAN

Bab 3 ini berkenaan dengan kaedah yang digunakan untuk mengkaji dan menganalisis tajuk kajian iaitu berkaitan dengan pantun lisan dan bahasa kiasan. Pada bab ini juga, pengkaji menerangkan berkenaan dengan teori yang digunakan atau diaplikasikan di dalam kajian.

#### 3.2 kaedah kajian

Pengkaji telah menggunakan satu kaedah utama untuk mendapatkan maklumat yang diinginkan dalam melaksanakan kajian. Menurut Hornby (1985) menerusi artikel Norashikin, N. A. A., Sidek, N. I. J., Johari, N. A., & Ishar, M. I. M. (2021, 162), beliau menyatakan bahawa metodologi kajian ialah set kaedah yang perlu digunakan oleh pengkaji bagi menjalankan sesebuah kajian ke atas tajuk atau kajian yang ingin difokuskan.

##### 1.2.1 Kaedah kualitatif

Kajian yang digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini ialah melalui kaedah kajian kualitatif. Antara kaedah kajian kualitatif yang digunakan ialah

penggunaan teori pengkaedahan Melayu iaitu pendekatan gunaan. Kaedah ini merupakan kaedah utama dalam kajian. Hal ini demikian kerana, pengkaji hanya berfokuskan tentang bahasa kiasan dan fungsinya di dalam *buku Kurik Kundi Merah Saga* serta meneliti dan menganalisis dengan lebih dalam berkenaan dengan kaitan antara fungsi kiasan dalam pantun lisan dengan teori pengkaedahan Melayu.

### **3.3 Teori pengkaedahan Melayu**

Teori pengkaedahan Melayu telah diperkenalkan oleh Hashim Awang pada tahun 1989. Beliau merupakan seorang pengkritik dan juga seorang sarjana yang sangat dikenali di Malaysia. Teori pengkaedahan Melayu dibuat adalah dengan berlandaskan dengan unsur alam, realiti kehidupan manusia atau sekelompok masyarakat yang merangkumi budaya pada suatu tempat, cara hidup masyarakat dan juga sikap yang ada di dalam seseorang individu. Teori yang diperkenalkan oleh Hashim Awang ini sangat mempunyai kaitan yang sangat rapat iaitu melalui alam dan manusia. Hal ini demikian kerana, unsur alam menjadi pengaruh utama dalam memberi pengaruh yang mendalam dalam kehidupan manusia. Oleh itu, teori pengkaedahan Melayu yang diperkenalkan oleh Hashim Awang (1989) mempunyai makna yang cukup besar yang juga dapat mempengaruhi karya-karya sastera. Hal ini demi memantapkan lagi karya-karya sastera yang ditulis berdasarkan pandangan tokoh yang menyentuh berkenaan dengan realiti kehidupan manusia yang dapat diterapkan dalam karya sastera dan dapat dicontohi oleh masyarakat luar khususnya masyarakat Melayu.

### 3.3.1 PENGKAEDAHAN ALAMIAH

Pengkaedahan alamiah ialah berkenaan dengan realiti kehidupan masyarakat atau sifat yang ada dalam diri setiap masyarakat Melayu. Hal ini demikian kerana, alam dan kehidupan mempunyai kaitan yang sangat rapat antara satu sama lain. Menurut Hashim Awang (2002), beliau mengatakan bahawa pengkaedahan alamiah ini berteraskan kepada bentuk atau corak hidup manusia yang diisi dengan kebaikan, faedah dan pengajaran daripada alam yang ada pada sekeliling masyarakat Melayu.

#### I. Pendekatan guna

Menurut Hashim Awang (2002), beliau berpendapat bahawa pendekatan guna ini ialah berkaitan dengan mewujudkan sesuatu objek alam yang memberi pelbagai faedah, manfaat, kebaikan, teladan dan kegunaan kepada seseorang individu atau golongan masyarakat Melayu.

#### II. Pendekatan moral

Menurut Hashim Awang (2002), beliau mengatakan bahawa pendekatan moral ini juga berkait rapat atau didasari oleh pendekatan guna iaitu

berkenaan dengan objek alam yang memberi manfaat dan kebaikan kepada hidup masyarakat. Akan tetapi, pendekatan moral ini lebih bersifat pengalaman yang terjadi dalam realiti kehidupan masyarakat iaitu dengan penglibatan sesebuah peristiwa yang boleh memberi kesan dan impak yang luar biasa pada kehidupan seharian masyarakat. Oleh itu, pendekatan moral juga telah dilihat untuk mengkaji atau meneliti sesebuah pemikiran dan pola pemikiran yang ada di dalam perkara yang berkaitan dengan sastera.

### **III. Pendekatan firasat**

Pendekatan firasat menurut Hisham Awang (2002) juga, beliau mengatakan bahawa pendekatan ini digunakan untuk mencungkil firasat iaitu perkara yang tersurat dan juga tersirat yang berlaku pada sesuatu benda yang berlaku.

#### **3.3.2 PENGKAEDAHAN KEAGAMAAN**

Menurut Hashim Awang (2002), beliau berpendapat bahawa pengkaedahan keagamaan ini berteraskan kepada agama Islam yang bersandarkan kepada iman dan akidah dalam diri individu atau masyarakat Melayu. Sumber yang utama bagi pembentukan pengkaedahan keagamaan ini ialah al-Quran dan hadis. Pengkaedahan keagamaan ini selalunya akan menyentuh berkenaan

dengan aspek-aspek ketakwaan manusia kepada Allah SWT, berkenaan dengan sifat-sifat agung Allah SWT di dalam kesusasteraan Islam.

### **I. Pendekatan dakwah**

Pendekatan dakwah pula menurut Hashim Awang (2002) ialah sebuah pendekatan yang meneliti sesuatu yang berdasarkan sastera yang dijadikan sebagai wadah bagi mempertingkatkan lagi ketakwaan dan keimanan seseorang individu atau golongan masyarakat Islam kepada Allah SWT.

### **II. Pendekatan kemasyarakatan**


Pendekatan kemasyarakatan menurut Hashim Awang (2002) pula mengatakan bahawa pendekatan ini dibuat untuk melihat berkenaan dengan kesejahteraan dan kedamaian kehidupan masyarakat khususnya masyarakat Melayu. Selain itu, ia juga bertujuan untuk mencari ketakwaan dan juga keimanan dalam diri setiap manusia yang boleh membawa kepada kebahagiaan hidup masyarakat.

### III. Pendekatan seni

Menurut Hashim Awang (2002), pendekatan seni selalunya digunakan bagi melihat dengan lebih jelas dan teliti berkenaan dengan nilai estetika yang ada pada karya-karya sastera. Hal ini demikian kerana, pendekatan seni yang meneliti nilai estetika atau keindahan dalam sesebuah karya sastera ini sangat memainkan peranan yang penting untuk mencungkil penggunaan ayat atau bahasa yang disampaikan di dalam sesebuah karya sastera.

Justeru itu dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan teori pengkaedahan Melayu yang berfokuskan kepada pengkaedahan alamiah iaitu pendekatan gunaan. Secara umum, teori pengkaedahan Melayu ialah sebuah teori yang telah diperkenalkan oleh Hashim Awang (1989). Beliau mengatakan bahawa teori pengkaedahan Melayu terhasil untuk mengemukakan berkenaan dengan kehidupan yang dijalani oleh masyarakat Melayu sehari-hari. Teori pengkaedahan Melayu terbahagi kepada dua ialah pengkaedahan alamiah dan pengkaedahan keagamaan. Pengkaedahan alamiah pula terbahagi kepada tiga pendekatan iaitu pendekatan gunaan, pendekatan moral dan pendekatan firasat. Oleh itu pengkaji hanya menfokuskan kepada pengkaedahan alamiah iaitu pendekatan gunaan untuk melihat dengan lebih jelas kaitan berkenaan dengan fungsi bahasa kiasan di dalam pantun lisan dengan realiti kehidupan masyarakat.

### 3.4 KERANGKA KONSEPTUAL



## 2.5 Penutup

Secara keseluruhan, kajian ini berfokuskan *Kepada Kurik Kundi Merah Saga* yang telah dikeluarkan daripada Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Kajian ini hanya memfokuskan kepada 20 rangkap pantun daripada 371 rangkap pantun yang terkandung dalam pantun lisan yang bertemakan kiasan ini. Hal ini berlaku kerana pengkaji hanya membataskan 20 rangkap pantun ini yang bersesuaian dengan penggunaan teori pengkaedahan Melayu iaitu melalui pendekatan gunaan sahaja.



## BAB 4

### DAPATAN KAJIAN

#### 4.0 PENGENALAN

Bab empat ini bakal membincangkan berkenaan dengan jenis-jenis bahasa kiasan dalam pantun lisan dan menganalisis fungsi bahasa kiasan dalam pantun lisan menggunakan pendekatan gunaan daripada teori pengkaedahan Melayu yang telah diperkenalkan oleh Hashim Awang. Bab ini akan melihat dan meneliti dengan lebih mendalam mengenai fungsi bahasa kiasan dalam pantun lisan menggunakan pendekatan gunaan berdasarkan buku *Kurik Kundi Merah Saga*. Fungsi bahasa kiasan ditonjolkan menerusi pantun lisan yang ada dalam buku *Kurik Kundi Merah Saga* yang hanya difokuskan dalam tema kiasan.

#### 4.1 BAHASA KIASAN

Menurut *kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat* (2017), bahasa kiasan didefinisikan sebagai penggunaan ayat atau ungkapan-ungkapan kata tersirat yang mempunyai maksud yang tertentu untuk menutup maksud perkataan atau ayat sebenar. Bahasa kiasan adalah sebahagian daripada kehidupan masyarakat Melayu. Hal ini demikian kerana, penggunaan bahasa kiasan sudah biasa digunakan oleh orang-orang pada zaman dahulu apabila berkomunikasi. Sehubungan dengan itu, bahasa kiasan ini dapat memenuhi kehendak hati seseorang individu untuk menyampaikan sesuatu ayat dalam

bentuk yang tersirat dan tidak mengguris hati pendengar. Oleh itu, terdapat fungsi-fungsi bahasa kiasan yang dapat dilihat dalam pantun lisan berdasarkan buku *Kurik Kundi Merah Saga*.

Menurut Let, I. S., & Kamarudin, R. (2018,p:2) menyatakan bahawa bahasa kiasan merupakan penggunaan ayat dan kata-kata tersurat dan tersirat. Beliau mengatakan bahawa bahasa kiasan ini tidak sama antara bahasa dan juga bahasa yang lain. Hal ini memberikan bahasa kiasan berdiri dengan sendiri melalui keistimewaannya. Terdapat bait ayat atau ungkapan kata yang tidak dapat difahami dan diagak. Hal ini demikian kerana, bahasa kiasan penuh dengan salinan ayat baru yang memaparkan maksud berlainan daripada perkataan ayat ditulis atau disampaikan tersebut. Bahasa kiasan ini susah untuk diterjemah oleh sebahagian orang yang tidak mendalami dan menghayati maksud sebenar yang disampaikan dalam penggunaan bahasa kiasan. Antara fungsi bahasa kiasan dalam pantun lisan ialah sebagai nasihat, pengajaran, sindiran, jenaka, perbandingan nyata, ekspresi, ungkapan estetik, bahasa halus, konsentrasi makna dan pancaran kehidupan. Oleh itu, pengkaji bakal meneliti dan menganalisis fungsi bahasa kiasan supaya bahasa kiasan ini lebih difahami maksudnya dan kesannya kepada pembaca pantun lisan dan masyarakat Melayu.

Oleh itu, bahasa kiasan sangat memainkan peranan yang penting kepada kehidupan masyarakat khususnya masyarakat di zaman kontemporari ini. Penggunaan bahasa kiasan diterapkan dalam pantun lisan kerana ingin

memastikan bahawa penggunaan bahasa kiasan atau disebut sebagai bahasa tersirat masih boleh digunakan oleh masyarakat sekarang. Hal ini dapat dilihat bahawa nenek moyang kita pada zaman dahulu sangat mementingkan penggunaan bahasa yang teratur, baik dan tidak mudah menyinggung orang yang mendengar pertuturan yang disampaikan.

#### 4.2 JENIS-JENIS BAHASA KIASAN

| Bil. | Bahasa Kiasan | Huraian  | Contoh Petikan   |
|------|---------------|--|--|
| 1.   | Personifikasi | Personifikasi adalah penggunaan ayat yang meletakkan sifat manusia kepada sesuatu benda yang tidak bernyawa. | Anak itik jangan direjam,<br>Kalau direjam matilah dia,<br><b>Keris pedang</b> tiada tajam,<br>Tajam lagi <b>mulut manusia</b> . |
| 2.   | Simile        | simile adalah penggunaan ayat yang membandingkan sesuatu secara nyata dan jelas.                             | Bismillah mula dikarang,<br>Syairlah pantun sajanya kurang,<br><b>Laksana</b> kainlah jarang,<br>Tidak boleh dibagi orang.       |

|    |       |   |  |
|----|-------|---|--|
| 3. | Ironi | Ironi adalah penggunaan ayat yang tersirat yang memiliki maksud yang sinis. | Anak itik jangan direjam,<br>Kalau direjam matilah dia,<br>Keris pedang tiada tajam,<br><b>Tajam lagi mulut manusia.</b> |
|----|-------|---|--|

### 1. Gaya bahasa kiasan personifikasi

Pratiwi, A. T. (2018:112) menyatakan bahawa bahasa kiasan personifikasi merupakan penggunaan sifat manusia yang diletakkan pada sesuatu benda yang tidak hidup atau tidak bernyawa. Gaya bahasa kiasan personifikasi juga boleh didefinisikan sebagai perumpamaan untuk benda yang tidak bernyawa dengan sifat manusia. Sebagai contoh pantun lisan yang dipilih seperti di petikan di atas, perkataan 'keris pedang tiada tajam, tajamlah lagi mulut manusia' memaparkan personifikasi. Hal ini dibuktikan dengan maksud yang disampaikan iaitu sifat manusia yang bermulut tajam bersamaan dengan senjata pedang dan keris pada pantun lisan berkenaan. Oleh itu, gaya bahasa kiasan personifikasi merupakan jenis bahasa kiasan yang selalunya ada pada setiap pantun. Hal ini untuk memastikan keindahan dan estetika pada ayat dapat dikekalkan.

## **2. Gaya bahasa kiasan simile**

Menurut Pratiwi, A. T. (2018:119) menyatakan bahawa bahasa kiasan simile merupakan penggunaan ayat untuk membandingkan sesuatu dengan nyata. Contoh yang dapat dipaparkan ialah bak, umpama, laksana, seperti, ibarat, seumpama dan sebagainya. Gaya bahasa kiasan simile selalu digunakan dalam pantun bagi membandingkan sesuatu perkara dengan perkara yang lain. Contoh simile dalam pantun di petikan di atas ialah perkataan 'laksana kainlah jarang' menunjukkan bahawa perkataan 'laksana' merupakan ayat untuk membandingkan antara kain yang jarang dengan perkara lain.

## **3. Gaya bahasa kiasan ironi**

Pratiwi, A. T. (2018:112) mengatakan bahawa ironi merupakan suatu kata yang mempunyai makna dan juga maksud yang berbeza. Bahasa kiasan ironi boleh dikatakan satu sindiran yang menyatakan sesuatu tetapi mempunyai maksud yang dalam dan susah untuk difahami. Penggunaan bahasa kiasan ironi dalam puisi tradisional selalunya digunakan bagi menggerakkan pemikiran dan kreativiti pembaca. Contohnya adalah 'tajamlah lagi mulut manusia' yang membawa maksud yang tersirat dan mendalam. Hal ini demikian kerana, maksud yang sebenarnya ialah mengatakan bahawa mulut manusia lagi tajam berbanding dengan senjata pedang dan keris.

### 4.3 FUNGSI BAHASA KIASAN SEBAGAI PENGAJARAN MORAL

Pengajaran sangat memainkan peranan yang sangat penting dalam kehidupan seseorang individu atau sekelompok masyarakat. Hal ini demikian kerana, pengajaran memberikan teladan dan impak yang besar dalam merubah hidup individu melalui penghayatannya kepada pengajaran moral atau teladan itu sendiri. Pengajaran dapat menjadikan seseorang berubah dari segi sikap, perilaku dan cara hidup kearah yang lebih baik dan positif. Menurut Hamidah, H. (2014, p:44,45) menyatakan bahawa pengajaran boleh dikategorikan sebagai pendidikan moral yang membawa seseorang ke arah lebih baik demi memastikan kehidupan seseorang individu atau sekelompok masyarakat penuh dengan disiplin.

Nilai yang baik dan buruk akan menimbulkan satu kesan yang panggil sebagai nilai moral atau pengajaran hidup. Pengajaran hidup yang disebut sebagai moral ini dapat membentuk dan membantu manusia dalam mengenalpasti dan mengenali dengan lebih dekat berkenaan dengan nilai-nilai yang baik untuk diterapkan dalam kehidupan mereka. Manusia akan menjadi manusia yang tulen dan utuh jika wujud budi bahasa, akal budi, sikap yang baik dan perilaku yang positif. Perkara ini secara tidak langsung akan mengembangkan diri manusia dalam hidup menerusi pengajaran hidup yang berlaku dalam diri, masyarakat dan sekeliling mereka. Oleh itu, pengajaran moral dalam hidup dapat dilihat berdasarkan pantun lisan bertemakan bahasa kiasan dibawah:

- a) Anak anjing dua beradik,  
Satu bodoh satu cerdik,  
Saya umpama teras yang baik,  
Tahan berjemur di panas terik.

Setiap pantun mempunyai pembayang dan maksud. Jika dilihat pantun diatas, baris satu dan baris kedua merupakan pembayang manakala baris ketiga dan baris keempat merupakan maksud yang ingin disampaikan oleh pembuat pantun kepada pembaca dan masyarakat khususnya masyarakat Melayu. Pembayang yang digunakan ialah unsur alam fauna. Penggunaan haiwan seperti anak anjing di bahagian pembayang dengan cara menceritakan watak anak anjing tersebut sebagai pembayang yang tidak mempunyai kaitan dengan maksud pada pantun lisan. Berdasarkan pantun lisan yang terpapar diatas, maksud yang ingin disampaikan dalam pantun lisan berkenaan ialah manusia yang dapat membawa dirinya dengan baik dan boleh bertahan hidup walaupun berada dalam keadaan atau situasi yang negatif dan tidak baik persekitarannya. Perkataan 'saya' yang dimaksudkan dalam pantun lisan bertemakan kiasan ini ialah seseorang individu atau manusia yang boleh melahirkan sifat dan sikap yang baik walaupun berada dalam situasi yang tidak diingini. Penggunaan bahasa kiasan dalam pantun seperti yang ditunjukkan diatas mempunyai maksud yang tersirat dan hanya difahami oleh segelintir orang yang betul-betul menghayati maksud tersebut.

Pengajaran moral atau teladan yang dapat diteliti dalam maksud pantun diatas ialah bagaimana seseorang individu dapat menjalankan kehidupannya

apabila menghadapi masalah atau perkara yang sulit. Maksud 'saya umpama teras baik, tahan berjemur di panas terik' menekankan berkenaan dengan seseorang individu yang sedar akan nilai yang baik dan nilai yang buruk supaya dapat mengelakkan dirinya daripada terpengaruh daripada hal yang buruk dan negatif. Manusia yang berkepribadian yang baik dapat menahan diri daripada melakukan perkara jahat atau dapat menahan diri apabila muncul suatu masalah yang besar yang boleh mengheret dirinya ke lembah yang negatif.

Fungsi bahasa kiasan sebagai pengajaran moral bersesuaian dengan pendekatan gunaan yang terkandung dalam teori pengkaedahan Melayu. Menurut Let, I. S., & Kamarudin, R. (2017, p:51) mengatakan bahawa pendekatan gunaan ini merupakan sastera yang menjadi salah satu objek alam. Alam itu sendiri diciptakan oleh tuhan dan sastera diciptakan oleh manusia. Hashim Awang mengatakan bahawa isi sastera yang dicipta ini perlu digunakan dan fungsi ciptaan isi sastera seperti pantun atau puisi tradisional yang lain boleh memberi manfaat dan kebaikan kepada sesama manusia. Oleh itu, pendekatan gunaan ini sangat sesuai untuk diaplikasikan berdasarkan pantun diatas. Hal ini kerana, pantun lisan bertemakan kiasan di atas memaparkan cara hidup manusia dan bagaimana manusia itu sendiri perlu melahirkan sikap yang baik dalam diri mereka dan mempertahankan diri walaupun berada dalam situasi dan keadaan yang tidak dijangka.



- b) Anak raja pergi menyempit,  
Pergi menyempit pagi hari,  
Kalau paya menjadi bukit,  
Ditimpa hujan roboh sendiri.

Pantun lisan bertemakan kiasan di atas menonjolkan bentuk pantun yang sempurna dari segi pembayang dan maksud pantun. Pada pembayang di baris satu dan baris dua, anak raja dijadikan sebagai objek untuk unsur alam untuk diletakkan pada bahagian pembayang. Berdasarkan pantun lisan yang bertemakan kiasan diatas, pantun ini memberi maksud yang mendalam dan memberi pengajaran yang tersendiri melalui situasi yang ditulis oleh pembuat pantun. Maksud 'kalau paya menjadi bukit, ditimpa hujan roboh sendiri' memberi pengajaran atau teladan berkenaan dengan nasib yang bukan menjadi milik seseorang. Sebagai manusia, kita harus percaya dengan takdir dan nasib yang telah ditentukan oleh tuhan iaitu Allah SWT. Maksud yang ingin disampaikan menyatakan bahawa sesuatu hal tidak akan menjadi milik kita jika Allah SWT tidak berkehendak di atas takdir setiap manusia. Penggunaan bahasa kiasan pada pantun lisan ini memberi impak dan kesan yang mendalam kerana pembaca akan memahami maksud pantun yang ingin disampaikan ini secara bertahap.

Maksud yang disampaikan ini cukup mendalam kerana menyentuh berkaitan dengan manusia dan kehidupan manusia itu sendiri. Pemahaman berkenaan dengan maksud pantun lisan diatas adalah melalui cara pembaca masing-masing memahaminya. Maksud pantun mungkin difahami oleh setiap orang

dengan cara berlainan. Sehubungan dengan itu, maksud lain bagi pantun lisan bertemakan kiasan diatas ialah tidak merubah diri sendiri menjadi orang lain. Apabila manusia berubah tidak mengikut kehendak akal dan fikiran serta tingkah laku semula jadi, hal ini akan menimbulkan masalah dan memakan diri sendiri. Perkataan 'kalau paya menjadi bukit, ditimpa hujan roboh sendiri' dianggap sebagai pengajaran moral yang perlu diambil oleh pembaca dan masyarakat Melayu. Hal ini demikian kerana, maksud yang dihasilkan dalam pantun diatas ibarat memberi saranan supaya tidak berada dalam situasi atau keadaan seperti maksud pantun lisan bertema kiasan tersebut. Walaupun pantun lisan ini menggunakan ayat kiasan atau ayat tersirat, perkara ini secara tidak langsung membawa nilai pengajaran yang perlu diterapkan dalam kehidupan masyarakat.

Fungsi bahasa kiasan sebagai pengajaran moral berdasarkan pantun lisan diatas sangat sesuai diaplikasikan menggunakan pendekatan gunaan. Pendekatan gunaan itu sendiri memberi maksud sastera yang memberi fungsi dan manfaat kepada sekeliling seperti masyarakat dan alam persekitaran. Nilai pengajaran yang ditekankan dalam maksud pantun lisan tersebut secara langsung memberi kebaikan kepada individu yang menghayati pantun lisan tersebut.

#### 4.4 FUNGSI BAHASA KIASAN SEBAGAI JENAKA

Kata lain bagi jenaka ialah humor. Menurut Krisadewa, M. F., & Rahardi, K. (2021,p:24), beliau mengatakan bahawa sesuatu perbuatan yang membuat seseorang individu tertawa dalam sedar dan tanpa sedar. Humor atau jenaka ini dapat menyebabkan sesuatu tawa berlaku pada masa sedemikian. Perkara boleh berlaku dalam bentuk kesedaran dan hasil yang dicipta oleh diri sendiri atau daripada orang lain. Sehubungan dengan itu, jenaka adalah satu perkara atau hal yang menimbulkan gelak dan tawa serta menggelikan hati. Jenaka atau disebut sebagai humor dapat menjadikan seseorang individu tertawa melalui pertuturan lisan dan pendengaran. Hal ini demikian, jenaka ini juga dapat dilihat melalui tulisan. Sebagai contoh, cerita jenaka atau puisi-puisi tradisional yang menimbulkan tema kelucuan. Jenaka terjadi kerana bahasa yang digunakan oleh penutur penuh dengan kelucuan dan gelak tawa. Hal ini akan menjadikan hubungan antara dua orang atau lebih dapat mengeratkan hubungan yang baik dan erat.

Bahasa yang diciptakan dalam jenaka ini sengaja dibuat dengan memasukkan gaya bahasa yang sesuai, gambaran yang lucu dan juga permainan bahasa yang dibuat khas oleh penutur. Hal ini bertujuan untuk menghidupkan suasana dengan kehadiran nilai positif dan nyaman kepada orang sekeliling atau antara sesama individu yang melakukan komunikasi antara dua hala pada sesuatu keadaan. Kepentingan bahasa jenaka dalam puisi atau percakapan sehari-hari ialah dapat menimbulkan interaksi yang

baik dengan bermain kata bagi mewujudkan bentuk kelucuan. Menurut Krisadewa, M. F., & Rahardi, K. (2021,p:25) juga, beliau mengatakan bahawa kata merupakan suatu bait ayat yang akan sempurna jika ada penggabungan dengan kata yang lain. Hal ini akan membentuk kata menjadi ayat yang penuh dan lengkap. Perkara ini boleh kaitkan dengan bahasa jenaka. Hal ini demikian kerana, bait kata yang dicipta menjadi satuan ayat yang mewujudkan emosi yang gembira. Penggunaan kata bahasa jenaka atau humor kepada seseorang akan diberikan isyarat yang ada dalam bait kata yang dilontarkan oleh penutur yang akan membuatkan pendengar mendapat isyarat jenaka. Oleh itu, fungsi bahasa kiasan sebagai jenaka dalam pantun lisan berdasarkan buku *Kurik Kundi Merah Saga* ini dapat dilihat dibawah:

- a) Angin ribut barat selatan,  
Sayang senduduk kayu kempas,  
Pasang jerat keliling hutan,  
Sekali lompat habis lepas.

Berdasarkan pantun lisan yang bertemakan kiasan diatas, terdapat unsur jenaka yang boleh dilihat. Baris satu dan baris dua merupakan pembayang yang mengandungi unsur alam. Hal ini demikian, penggunaan unsur alam sangat memainkan peranan yang penting untuk menghidupkan ayat yang indah dan baik. Penggunaan unsur alam seperti senduduk, angin dan ribut telah menjadikan pembayang berupa penceritaan yang bergantung. Baris ketiga dan baris keempat ialah maksud yang ingin disampaikan pembuat pantun kepada pembaca. Maksud pantun diatas ialah sesuatu perkara yang

dilakukan tidak mendapat tuah atau nasib yang baik. Perkataan 'pasang jerat keliling hutan, sekali lompat habis lepas' menunjukkan perkara yang dirancang tidak berhasil sekiranya memang bukan takdirnya, dengan kata lain, bernasib malang walaupun telah merancang sesuatu dengan baik tetap tidak akan menjadi milik kita.

Terdapat unsur jenaka atau bahasa humor yang terdapat dalam pantun lisan bertemakan kiasan diatas. Unsur jenaka dapat dilihat dan diteliti daripada bahagian maksud iaitu 'pasang jerat keliling hutan, sekali lompat habis lepas'. setelah meneliti maksud pantun tersebut, penggunaan ayat dalam pantun adalah bersifat lucu dan pembaca boleh membayangkan jalan cerita yang disampaikan di samping menghayati dan memahami dengan lebih dalam maksud kiasan yang ingin disampaikan oleh pembuat pantun. Perkembangan jenaka berlaku apabila ada tindak balas daripada orang yang mendengar jenaka yang dituturkan. perkara ini terjadi pada zaman dahulu kala. Orang pada zaman dahulu kala saling bergurau senda dan membalas pantun dengan pantun lisan. Mereka berkias dan menyelitkan unsur jenaka dalam pantun supaya pantun yang disampaikan tidak memberi kesan yang negatif kepada pendengar. Hal ini jelas membuktikan bahawa masyarakat pada zaman dahulu kala mementingkan komunikasi yang berfaedah di samping boleh memberi kegembiraan dan kegirangan dalam percakapan antara sesama mereka.

Fungsi bahasa kiasan sebagai jenaka berdasarkan pantun yang ditulis sangat bersesuaian dikaitkan dengan pendekatan gunaan yang terkandung dalam teori pengkaedahan Melayu. Pendekatan gunaan merupakan pendekatan teori yang melihat dan meneliti berkenaan dengan fungsi dan manfaat yang ditampilkan pada sesuatu karya. Perkara ini dapat dibuktikan melalui pantun lisan yang bertemakan kiasan dalam buku *Kurik Kundi Merah Saga*. Fungsi jenaka dalam pantun yang ditunjukkan berfungsi untuk memahami bentuk penceritaan dan mendalami situasi yang terjadi. Selain itu, fungsi jenaka dalam pantun ini juga berfungsi sebagai mempengaruhi emosi dan fikiran seseorang individu kearah yang lebih positif dan gembira. Sehubungan dengan itu, jenaka berfungsi untuk menghiburkan hati individu atau masyarakat ketika dalam keadaan kurang baik. Oleh itu, pendekatan gunaan yang diterangkan oleh Hashim Awang sangat berkait rapat dengan fungsi jenaka. Bahasa kiasan sebagai jenaka ini berfungsi untuk memberi manfaat dan kebaikan kepada orang yang mendengar pantun lisan.

#### **4.5 FUNGSI BAHASA KIASAN SEBAGAI NASIHAT**

Menurut Johari, A., & Zahid, I. (2016, p:74) menyatakan bahawa nasihat merupakan sebuah perlakuan yang berbentuk sokongan sosial yang selalunya tidak diterima secara keseluruhan oleh penerima nasihat tersebut. Hal ini demikian, nasihat bersifat tiba-tiba apabila individu melihat sesuatu yang tidak dijangka. Mereka akan secara langsung mengeluarkan kata-kata kepada si penerima untuk berhati-hati dengan sesuatu perkara yang berlaku.

Dengan kata lain, nasihat ialah sebuah maklumat atau pandangan yang diberikan oleh seseorang individu kepada individu yang lain. Perlakuan sebegini dikira rumit kerana dapat memberi kesan baik atau buruk bergantung kepada si penerima nasihat dan impak yang besar ke atas kebebasan seseorang. Perlakuan nasihat-menasihati selalunya perlu dibuat dan dilaksanakan dengan kesantunan mengikut sifat dan tingkah laku seseorang individu itu sendiri. Hal ini kerana, setiap manusia yang telah diciptakan oleh Allah SWT adalah berbeza mengikut kehendak-Nya. Justeru itu, cara untuk menasihati seseorang perlu dibuat dengan betul dan lembut agar tidak terjadi perkara yang boleh membawa kepada permasalahan yang besar.

Nasihat juga dilakukan dengan cara berkomunikasi dan menegur seseorang. Nasihat dan teguran yang dikeluarkan dengan baik dan jelas tidak akan mengecilkan hati mana-mana individu. Oleh itu, cara nasihat juga perlu dilakukan dengan betul. Walau bagaimanapun, terjadi tekanan kepada si penasihat untuk memberi teguran dan saranan kepada si penerima. Hal ini demikian kerana, kemungkinan besar akan terjadi penolakan yang besar ketika si penasihat semasa memberi nasihat pada waktu berkenaan. Penggunaan strategi dan aturan yang betul harus dibina oleh penasihat terlebih dahulu sebelum memberi nasihat kepada penerima secara mengejut. Perkara ini demi mengelakkan berlaku perbalahan dalam komunikasi antara seorang individu dengan individu yang lain. Nasihat akan diberikan kepada seseorang sesuai dengan topik perbualan yang berlaku pada waktu berkenaan. Hal ini demi memastikan segala teguran dan bimbingan diterima dengan baik dan berkait dalam perbincangan yang sedang berlangsung antara

dua orang yang berkomunikasi. Oleh itu, kepakaran dan kebijaksanaan dalam mengatur strategi dan cara untuk menasihati si penerima perlu dititikberatkan agar aspek kesopanan dan kesantunan semasa memberi nasihat diutamakan dalam perbualan. Justeru itu, fungsi bahasa kiasan sebagai nasihat dapat dibuktikan berdasarkan pantun lisan yang bertemakan kiasan dalam buku *Kurik Kundi Merah Saga* dibawah:

- a) Bismillah mula dikarang,  
Syairlah pantun sajanya kurang,  
Laksana kainlah jarang,  
Tidak boleh dibagi orang.

Berdasarkan pantun lisan diatas, jelas dibuktikan bahawa pantun yang bertemakan kiasan ini terdapat nasihat yang tersirat disebalik penggunaan bahasa kiasan pada bahagian maksud pantun. Pada baris satu dan baris dua telah menjelaskan berkenaan dengan pembayang. Pembayang dalam pantun diatas menyatakan permulaan salam. Pembayang pantun ini tidak menggunakan unsur alam sebagai objek utama. Permulaan ayat bagi baris satu menggunakan perkataan dan bait ayat seperti membawa maksud yang tertentu. Akan tetapi, pembayang tetap dikekalkan sebagai pembayang sahaja. Selain itu, baris ketiga dan baris keempat menjelaskan maksud yang tersirat yang mengandungi unsur nasihat. Penggunaan kata seperti maksud iaitu 'laksana kainlah jarang, tidak boleh dibagi orang' membawa maksud yang sungguh mendalam. Maksud yang ingin disampaikan oleh pembuat pantun ialah jika kita mempunyai barang atau peralatan yang kurang baik dan



tidak sempurna fizikalnya, kita perlu mengelakkan daripada memberikan barang tersebut kepada orang lain. Adat Melayu juga mengajar masyarakat Melayu untuk memberi barang yang sempurna sifatnya kerana kesungguhan dan keikhlasan seseorang yang memberi dapat dilihat dengan jelas melalui barang tersebut yang diberikan kepada penerima. Penerima barang juga akan merasa terbuka dan suka cara pemberian yang dilakukan.

Sifat memberi dan menerima itu sendiri merupakan sikap yang baik dan perlu diamalkan. Akan tetapi, dalam konteks yang disampaikan dalam pantun ini adalah berkenaan dengan kesempurnaan perkara untuk diberikan kepada orang lain. Sebaiknya barang atau benda yang hendak diberikan kepada orang lain perlulah sederhana tapi masih mengekalkan konsep yang sempurna. Maksud pantun di atas untuk memberi peringatan atau pesan nasihat supaya barang yang akan diberikan daripada pihak kita tidak memberi kesan yang buruk dan negatif kepada orang lain. Hal ini bagi mengelakkan daripada orang yang menerima barang-barang tersebut tidak berkecil hati dengan perlakuan kita. Hal ini kerana, keikhlasan kita dapat dilihat dan dipaparkan hanya berdasarkan perkara atau barang yang kita berikan kepada seseorang.

Hal ini juga bertepatan dengan pendekatan gunaan yang terkandung dalam teori pengkaedahan Melayu yang telah dipelopori oleh Hashim Awang. Beliau mengatakan bahawa pendekatan gunaan sebenarnya bertujuan untuk

memaparkan satu objek yang berkaitan dengan sastera yang dapat memberi kesan yang baik kepada orang sekeliling atau masyarakat setempat khususnya masyarakat Melayu. Sastera sebagai satu medium yang boleh membawa dan menyebarkan perkara yang berkenaan dengan hal baik. Contoh yang dapat terpapar ialah bagaimana masyarakat Melayu meletakkan atau menerapkan segala isi nasihat dalam puisi tradisional seperti pantun lisan. Hal ini secara tidak langsung menjadikan pantun lisan sebagai salah satu medium yang digunakan oleh masyarakat pada zaman dahulu sehingga masyarakat di zaman kontemporari untuk menyampaikan isi pesanan yang seharusnya diterapkan dalam kehidupan seharian mereka. Nasihat dan pesanan yang penting yang telah disampaikan oleh masyarakat pada zaman dahulu dapat dirakam melalui pantun lisan seperti di atas. Oleh itu, pantun lisan yang bertemakan nasihat dapat dilihat dalam buku *Kurik Kundi Merah Saga*:

- b) Pulau Bentan Pulau Daik,  
Mercur bertaut nampak berkilau,  
Kalau asal benih yang baik,  
Terbuang ke laut menjadi pulau.

Berdasarkan pantun lisan yang ditonjolkan di atas, jelas terpapar pesan nasihat yang telah disampaikan oleh masyarakat Melayu pada zaman dahulu kepada masyarakat kini. Maksud yang disampaikan dalam pantun di atas sangat memberi makna dan maksud yang cukup besar sebagai pesanan yang perlu diterapkan dalam kehidupan seseorang individu. Pembayang dalam

pantun lisan yang bertemakan nasihat di atas menggunakan unsur. Antara unsur alam yang digunakan dalam pantun diatas adalah pulau. Pembayang yang meletakkan unsur alam akan memaparkan bentuk pantun yang sempurna dan menarik. Baris pertama dan baris kedua merupakan pembayang sahaja. Namun, penggunaan ayat pada pembayang juga memainkan peranan yang penting untuk menjadikan sebuah pantun tersebut dilihat dengan penuh estetika dan keindahan.

Pada baris ketiga dan baris keempat merupakan maksud dalam pantun lisan di atas. Maksud yang terpapar di dalam pantun dapat membawa maksud dan pesanan yang dalam. Sehubungan dengan itu, maksud sebenar bagi pantun lisan yang bertemakan kiasan di atas ialah seorang manusia yang lahir dalam keturunan dan latar belakang yang baik akan tetap menjadi baik walaupun pergi ke merata tempat. Maksud lain bagi pantun lisan di atas juga membawa makna bahawa orang yang baik budi bahasa, berilmu, berpengetahuan luas dan pandai menjaga adab akan disenangi dan dapat memberi kesan yang baik kepada sekeliling serta boleh melahirkan kehidupan yang baik kepada diri sendiri dan masyarakat. Keistimewaan yang dapat dilihat berdasarkan maksud pantun di atas ialah penggunaan ayat dan bahasa kiasan yang membawa pembaca untuk lebih mendalami dan menghayati setiap maksud yang disampaikan oleh pencipta pantun. Selain itu, pesan nasihat dapat terpapar jelas melalui maksud yang ditulis pada baris ketiga dan baris keempat. Hal ini demikian kerana, maksud pantun ini seolah-olah memberi pesanan kepada individu yang bergelar manusia untuk menghidupkan sifat yang baik dan menyebarkan kebaikan tersebut walaupun dimana jua individu

itu berada. Perkara ini secara langsung dan tidak langsung memberi penekanan yang baik kepada seseorang individu untuk terus belajar tentang kebaikan, adab, akhlak dan rohani supaya dapat diterapkan dalam dirinya sendiri sekaligus dapat mencontohi orang di sekeliling mereka iaitu masyarakat luar khususnya masyarakat Melayu.

Penggunaan dan penyampaian pantun ini sangat bersesuaian dengan pendekatan gunaan yang telah dihasilkan oleh Hashim Awang dalam teori pengkaedahan Melayu. Hal ini demikian kerana, pantun lisan disampaikan dari mulut ke mulut dan telah dicetak melalui sistem penulisan. Perkara ini secara langsung membawa impak yang besar kepada masyarakat terutamanya pantun lisan yang bertemakan kiasan dan telah mengetengahkan bentuk nasihat yang perlu didengarkan dan dihargai oleh semua orang. Oleh itu, pantun ini sesuai dengan pendekatan gunaan kerana fungsinya adalah untuk memberi kebaikan kepada sekelompok masyarakat dan manusia untuk berubah kearah lebih baik.

#### 4.6 FUNGSI BAHASA KIASAN SEBAGAI SINDIRAN

Menurut Ibrahim, N. A., & Yusof, M. (2020, p:270) menyatakan bahawa bahasa sindiran merupakan perkataan yang digunakan untuk mengata atau menyindir seseorang individu dengan maksud yang berlainan dengan ayat luaran yang dipaparkan. Hal ini demikian kerana, sindiran disebut ketika seseorang individu sedang berada dalam situasi dan emosi yang tidak stabil. Hal ini akan menyebabkan mereka mengeluarkan kata-kata yang halus tetapi mempunyai maksud yang tersirat. Penggunaan perkataan sindiran selalunya berlaku ketika bermulanya perselisihan faham. Perkataan yang disampaikan bukan dalam ayat terang-terangan tetapi menggunakan ayat luaran yang mempunyai maksud yang lain. Kadangkala perkataan yang dilontarkan tidak mudah untuk difahami oleh semua orang. Sindiran juga merupakan satu perkataan yang mengejek dan sinis. Sindiran juga dianggap sebagai serangan lisan yang boleh melukakan hati seseorang sehingga dapat menimbulkan perbalahan dan permasalahan yang besar.

Pantun di atas berfungsi sebagai sindiran. Justeru itu, dapat dilihat bahawa masyarakat Melayu pada zaman dahulu mengejek dan memberi pesanan dalam bentuk yang berkias seperti pantun. Hal ini demikian kerana, masyarakat pada zaman dahulu ingin menjaga imej yang sopan dan halus walaupun ketika berucap atau mengeluarkan kata-kata yang tajam dan kasar. Akan tetapi, penerima ayat sindiran juga perlu memahami bahawa mereka sedang disindir menggunakan kata-kata yang sukar difahami atau

dengan maksud lain, ayat yang tersirat. Oleh itu, ayat-ayat sindiran dapat ditonjolkan pada pantun lisan yang bertemakan kiasan seperti di bawah:

- a) Anak itik jangan direjam,  
Kalau direjam matilah dia,  
Keris pedang tiada tajam,  
Tajamlah lagi mulut manusia.

Berdasarkan pantun lisan di atas, jelas dipaparkan fungsi sindiran. Hal ini demikian kerana, ayat daripada maksud pantun sangat memainkan peranan yang penting bagi menampakkan bentuk ayat sindiran. Pada baris satu dan baris kedua terdapat pembayang. Terdapat unsur fauna yang digunakan dalam pembayang pantun lisan yang bertemakan kiasan di atas. Contoh unsur fauna yang diletakkan dalam pembayang pantun ialah anak itik. Pentingnya unsur flora atau unsur fauna untuk diletakkan pada bahagian pembayang pantun. Hal ini kerana, ia dapat memaparkan seni serta menjelaskan nilai keindahan dalam puisi tradisional seperti pantun lisan yang bertemakan kiasan di atas. Pantun yang terpapar tersebut mempunyai fungsinya yang tersendiri. Antara fungsi yang boleh dilihat daripada penggunaan ayat pada bahagian maksud ialah berkenaan dengan sindiran. Fungsi sindiran ini berguna untuk digunakan dalam percakapan atau penulisan namun haruslah dari segi yang sopan dan tidak kasar. Maksud pantun di atas ialah berkaitan dengan mulut manusia yang tajam seperti pedang dan keris apabila berkata-kata. Hal ini demikian, kadangkala manusia

tidak sedar dalam memberikan kata-kata apabila berkomunikasi dengan individu yang lain. Maksud lain bagi sindiran ialah penggunaan kata yang halus tanpa memberikan tekanan dan tidak bermaksud untuk memperlihatkan ayat yang sebenar. Lantaran itu, sindiran selalunya berlaku apabila wujud situasi yang tidak menyenangkan sehingga seorang individu mengeluarkan kata-kata kasar tetapi melalui ayat yang ditapis iaitu sindiran.

Maksud yang telah disampaikan dalam pantun lisan diatas ialah berkenaan dengan mulut manusia yang tajam seperti tajamnya pedang dan keris. Hal ini demikian kerana, manusia kadangkala tidak dapat berkata dengan baik kepada seseorang yang tidak disukainya. kebanyakan masyarakat Melayu pada zaman dahulu akan membuat ayat sindiran samada dalam memberi nasihat, pengajaran dan kata-kata yang tidak sepatutnya didengari oleh penerima supaya mereka tidak berkecil hati dengan perkataan yang tidak ditapis dan dilontarkan tanpa batas kepada penerima. Justeru itu, masyarakat pada zaman dahulu akan selalu menyindir orang-orang yang tertentu untuk memberi pesanan, nasihat atau perkataan yang ingin disampaikan. Akan tetapi, maksud pantun di atas lebih tertuju kepada penyampaian ayat yang kasar tetapi dilapisi dengan perkataan sindiran. Baris ketiga dan keempat iaitu 'keris pedang tiada tajam, tajam lagi mulut manusia' mengatakan bahawa lontaran perkataan atau ayat yang dikeluarkan dari mulut manusia lebih tajam daripada pedang atau keris yang sudah tajam bilahnya. Oleh itu, masyarakat pada zaman kontemporari ini patut mencontohi cara percakapan orang pada zaman dahulu supaya dapat mengelakkan daripada berlaku masalah dan perbalahan yang besar.

Fungsi bahasa kiasan sebagai sindiran sangat bertepatan dengan pendekatan gunaan yang telah dipelopori oleh Hashim Awang dalam teori pengkaedahan Melayu. Hal ini demikian kerana, bahasa kiasan sebagai sindiran ini juga dianggap pendekatan gunaan. Pendekatan ini merupakan pendekatan gunaan yang memaparkan fungsi dan kegunaan sesuatu objek seperti sastera. Justeru itu, fungsi pantun lisan sebagai sindiran yang digunakan dalam percakapan atau komunikasi antara dua orang atau lebih sangat memainkan peranan yang penting bagi memastikan maksud yang disampaikan kepada penerima pantun yang menggunakan sindiran ini dapat mengadaptasi pesanan yang ada di sebalik sindiran yang dilontarkan oleh seseorang.

- b) Anak raja pergi menyumpit,  
Pergi menyumpit pagi hari,  
Kalau paya menjadi bukit,  
Ditimpa hujan roboh sendiri.

Berdasarkan pantun lisan yang bertemakan kiasan di atas, pantun ini menunjukkan fungsi sebagai sindiran. Sindiran ini selalunya digunakan kepada individu yang tertentu dan sekelompok masyarakat untuk menyampaikan maksud atau makna yang tersirat tanpa difahami dengan mudah oleh seseorang. Hal ini demikian kerana, perkara ini untuk mengelakkan kepada masalah yang berlaku. Pada pantun di atas, terdapat



pembayang dan juga maksud. Pembayang pada baris pertama dan kedua mempunyai kesinambungan yang berbentuk cerita yang dapat difahami dengan jelas oleh pembaca seperti 'anak raja pergi menyempit, pergi menyempit pagi hari'. Pada bahagian maksud pula, terdapat maksud yang sangat mendalam dan tersirat yang sukar difahami dengan lebih jelas oleh pembaca kecuali pembaca yang menghayati sepenuhnya maksud pantun tersebut. Maksud yang disampaikan dalam pantun lisan yang bertemakan kiasan yang berfungsi sebagai sindiran ini ialah berkenaan dengan pesanan atau sindiran untuk tidak menjadi orang lain dengan maksud yang lain ialah menjadi diri sendiri walaupun berada dalam apa-apa situasi yang berbeza. Hal ini demikian kerana, kita sebagai manusia tidak lari daripada berbuat sesuatu kesalahan. Lantaran itu, berkemungkinan besar kesalahan atau perkara besar yang terjadi dalam hidup seseorang individu mendorongnya untuk berubah menjadi watak perwatakan yang lain daripada biasa. Perubahan yang berlaku dalam diri manusia perlu seimbang agar tidak berlaku manusia yang mengubah dan memaksa serta menipu diri sendiri untuk menjadi orang lain.

Sindiran lain yang ingin disampaikan dalam pantun di atas juga adalah berkaitan dengan sifat seseorang yang ditonjolkan dari luar. Seseorang individu atau segelintir masyarakat itu sendiri tidak akan menonjolkan sifatnya yang sebenar dengan mudah. Dengan kata lain ialah menyembunyikan sifat dan tingkahlaku yang sebenar di luar kepada orang lain atau masyarakat sekeliling. Namun jika berlaku sesuatu masalah, seseorang tidak dapat menyelesaikan masalah tersebut dengan mudah. Hal ini demikian kerana,

mereka susah untuk beradaptasi dengan masalah yang berlaku dan berlaku masalah ketika ingin menyelesaikan sesuatu masalah. Maksud seperti 'kalau paya menjadi bukit, ditimpa hujan roboh sendiri' juga membawa makna yang lain iaitu manusia jangan berlaku sombong atau meninggi diri jika semakin berjaya dan berubah ke arah yang salah. Perkara ini sedikit sebanyak dapat memberi kesan kepada seseorang individu untuk tidak sombong jika mempunyai kelebihan dan kemahiran daripada orang lain. Jelas menunjukkan bahawa pantun lisan yang dipaparkan yang berfungsi sebagai sindiran menjadi teguran bagi masyarakat sekarang supaya selalu berhati-hati dalam berbuat sesuatu. Hal ini demikian kerana, sikap dan tingkah laku yang ada pada seseorang tidak disukai dengan mudah oleh orang lain. Justeru itu, manusia perlu sentiasa berwaspada dalam berperilaku dan bertingkah laku agar tidak mudah mendapat sindiran dan kecaman yang teruk daripada masyarakat sekeliling. Oleh itu, kita sebagai manusia yang hidup dalam komuniti yang besar seperti dalam kelompok masyarakat perlulah sentiasa membawa sifat kita dengan baik agar dapat menyenangkan orang yang ada di sekeliling kita.

Seterusnya, pendekatan gunaan sangat bersesuaian digunakan untuk fungsi pantun lisan yang bertemakan kiasan melalui sindiran tersebut. Hal ini demikian kerana, pendekatan gunaan yang telah diperkenalkan oleh Hashim Awang dalam teori pengkaedahan Melayu menjelaskan bahawa pendekatan gunaan bersifat untuk memberi kiasan, impak, fungsi dan pesanan yang tersendiri kepada masyarakat di luar sana khususnya masyarakat Melayu. Sindiran yang disampaikan melalui pantun lisan di atas berfungsi sebagai satu

alat atau medium untuk menyedarkan masyarakat tentang adab, budaya, percakapan dan perilaku yang ditonjolkan dari luar. Oleh itu, pantun lisan di atas yang berfungsi sebagai sindiran sangat memberi impak yang luar biasa kepada masyarakat pada zaman dahulu dan dibawa kepada masyarakat pada zaman kontemporari ini untuk memberi pesanan dan teguran dalam mengucapkan kata-kata. Hal ini kerana, sindiran yang Hal ini supaya, kata-kata yang diucapkan dapat ditapis bagi mengelakkan sesuatu masalah timbul begitu sahaja.

- c) Angin ribut barat selatan,  
Sayang senduduk kayu kempas,  
Pasang jerat keliling hutan,  
Sekali lompat habis lepas.

Berdasarkan pantun lisan seperti di atas, fungsi yang dapat dipaparkan dalam pantun ini adalah berkenaan dengan sindiran. Bahasa kiasan yang berfungsi sebagai sindiran ini dapat dijadikan sebagai kesinambungan yang tepat. Hal ini demikian kerana, bahasa kiasan dan sindiran mempunyai sifat yang sama iaitu berkias atau menyampaikan sesuatu kata serta pesanan dalam bentuk ayat yang tersirat dan tidak mudah untuk difahami oleh orang lain dengan mudah. Hal ini demikian kerana, sindiran ini merupakan sebuah kata atau pengucapan yang mempunyai kebaikan dan keburukannya yang tersendiri. Antara kebaikan yang dapat ditonjolkan pada bentuk sindiran ini ialah penggunaan ayat yang dihasilkan berdasarkan sindiran akan mempunyai

tapisan kata supaya orang yang mendengarnya tidak mudah merasa berkecil hati. Selain itu, kebaikan yang dapat dilihat pada penggunaan sindiran ini pula ialah ayat sindiran bukan semua yang bersifat negatif tetapi bersifat nasihat atau pesanan untuk menegur kesalahan yang dibuat oleh orang lain secara halus.

Pantun diatas mempunyai pembayang dan maksud. Pembayang yang terpapar pada pantun di atas ialah pada baris pertama dan baris kedua. Pembayang dalam pantun ini menjelaskan tentang cuaca dan juga menyentuh beberapa alam flora seperti 'kayu kampas', 'senduduk' dan 'hutan'. Pada bahagian maksud pula, pantun ini membawa penggunaan ayat yang menyindir walaupun berdasarkan bahasa kiasan. Maksud yang ingin disampaikan oleh pembuat pantun kepada pembaca ialah tentang pekerjaan yang dibuat secara lewa atau tidak bersungguh-sungguh dalam mengerjakan sesuatu sehingga menyebabkan tercetusnya masalah yang besar dan membahayakan semua orang. Pada baris ketiga dan baris keempat iaitu 'pasang jerat keliling hutan, sekali lompat habis lepas' menyatakan bahawa seseorang yang membuat atau melakukan sesuatu dengan tidak bersungguh-sungguh akan mendapat padahnya kepada diri sendiri. Hal ini demikian kerana, setiap manusia mempunyai sifatnya yang negatif. Namun perkara ini tidak bermakna untuk manusia tidak mengubah sifatnya kearah lebih baik. Jika perilaku dan tingkah laku yang ada pada seseorang individu baik dari segi rohani, pola pemikiran dan juga bijak mengawal sesuatu, maka individu tersebut dapat menghadapi sesuatu perkara dengan bijak dan teliti.

Justeru itu, masyarakat dan pembaca yang membaca pantun lisan yang bertemakan kiasan di atas, mereka patut melihat maksud sebenar sindiran tersebut. Sindiran yang disampaikan dalam pantun bukan sekadar sindiran yang memberi kesan negatif kepada seseorang tetapi membawa makna yang besar kepada pembaca dan masyarakat jika mereka mengamalkan dan menerapkan nilai sebenar yang diletakkan dalam pantun di atas.

Fungsi pantun lisan yang bertemakan kiasan seperti di atas adalah sebagai sindiran. Hal ini sangat bersesuaian dengan pendekatan gunaan yang terkandung dalam teori pengkaedahan Melayu yang telah dipelopori oleh Hashim Awang. Pendekatan gunaan itu sendiri membawa maksud sesuatu objek seperti sasatera ini wujud untuk membentuk manusia ke jalan yang lebih baik. Hal ini demikian kerana, sastera banyak mengisahkan tentang kehidupan seharian manusia, adat, adab dan budaya masyarakat Melayu itu sendiri. Oleh itu, fungsi pantun lisan di atas sebagai sindiran sebenarnya membawa makna yang cukup memberi kesan yang besar kepada manusia dan masyarakat yang melalui dan pernah terkena ayat sindiran. Perkara ini perlu dititikberatkan oleh gaya pemikiran individu itu sendiri samada sindiran yang diterima tersebut digunakan sebagai pesanan yang baik atau sebaliknya.

- d) Banyak nyamuk di hutan Tengar,  
Buah betik dipanggil papaya,  
Kicau murai lagi didengar,  
Inikan pula cerita manusia.

Pantun lisan diatas adalah berkenaan dengan tema kiasan yang berfungsi sebagai sindiran. Sindiran merupakan satu penggunaan ayat yang dilontarkan kepada seseorang dengan cara yang tersirat dan mendalam. Selain itu, kadangkala penggunaan sindiran diperlukan dalam kehidupan seharian seseorang individu dan sekelompok masyarakat. Hal ini kerana, sindiran adalah sebuah kata yang besar dan kasar tetapi membawa maksud yang berlainan daripada perkataan sindiran yang disebutkan di luar ayat tersebut. Sindiran berfungsi untuk membuatkan individu yang lain mendapat pesanan dengan menggunakan emosi. Ketika berlaku sindiran, secara langsung seseorang individu dapat merasakan emosi yang membuak-buak kerana penggunaan ayat yang digunakan sangat tajam dan kasar tetapi mempunyai maksud yang tersirat. Lantaran itu, pantun lisan di atas mempunyai pembayang dan maksud. Pembayang untuk pantun lisan di atas ialah pada baris pertama dan baris kedua. Pada bahagian pembayang, pengarang atau pembuat pantun menyentuh dua unsur utama yang wajib ada dalam pantun iaitu unsur flora dan unsur fauna. Unsur flora yang ada dalam pantun diatas adalah 'hutan' manakala unsur fauna atau perkataan haiwan dan serangga seperti 'nyamuk'. penggunaan flora dan fauna dalam pembayang adalah untuk menyeimbangkan keindahan ayat yang dibina pada baris pertama dan baris kedua. Maksud pada pantun ini sangat dalam dan mempunyai ayat-ayat

yang tersirat disebabkan oleh tema kiasan yang dibuat oleh pengarang atau pembuat pantun.

Maksud yang hendak disampaikan dalam pantun lisan yang bertemakan kiasan yang juga berfungsi sebagai sindiran ialah mengenai gosip atau percakapan yang menyebabkan fitnah yang berlaku di antara dua pihak atau dengan kata lain mengata di belakang orang lain. Perkara ini sebenarnya tidak patut dijadikan contoh dalam kehidupan. Oleh itu, pengarang menyindir masyarakat yang selalu bercakap belakang atau memfitnah orang yang tidak bersalah kerana mereka masih tidak mengetahui kebenaran disebalik cerita yang diperkatakan antara mereka tentang orang lain. Perkataan seperti 'kicau murai lagi didengar, inikan pula cerita manusia' menunjukkan betapa cepatnya cerita atau gosip yang menjadi perbualan antara sekelompok masyarakat tersebar luas. Pengarang ingin menyindir individu-individu yang berkata kasar dan menyebarkan perbualan tanpa kebenaran. Melalui sindiran yang disampaikan dalam pantun lisan seperti ini, secara tidak langsung akan sedar bahawa perbuatan menyebarkan cerita tanpa mengetahui kebenaran adalah salah di mata masyarakat khususnya masyarakat Melayu yang mengutamakan adab yang sopan dan baik.

Pendekatan gunaan sangat sesuai diaplikasikan dalam pantun lisan yang bertemakan kiasan berdasarkan fungsinya iaitu sebagai sindiran. Hal ini demikian kerana, sindiran merupakan satu perkara atau satu alat yang boleh menyedarkan manusia ketika melakukan kesilapan yang besar dan salah.

Dengan wujudnya bentuk ayat dan perkataan sindiran, perbalahan atau masalah seperti pergaduhan yang besar akan dapat dielakkan. Individu yang terkena sindiran tidak akan terus menerima ayat-ayat kasar daripada orang memberi sindiran tersebut. Hal ini kerana, ayat sindiran yang berbentuk kata-kata tersirat ini boleh membuatkan penerima sindiran atau kritikan akan mula berfikir tentang kesalahan yang dilakukannya tanpa sedar. Oleh itu, pendekatan gunaan mengutamakan objek seperti sastera sebagai medium yang boleh membentuk peribadi dan sikap manusia dan semua masyarakat.

#### **4.7 FUNGSI BAHASA KIASAN SEBAGAI PERBANDINGAN NYATA**

Menurut Anam, A. K. (2019, p:21) mengatakan bahawa perbandingan nyata merupakan satu gaya bahasa yang biasa digunakan dalam puisi tradisional termasuklah pantun lisan. Penggunaan perbandingan nyata menjadikan ayat yang diletakkan dalam pantun menjadi lebih teratur. Hal ini demikian kerana, pembaca dan masyarakat khususnya masyarakat Melayu akan lebih memahami dan mendalami perbandingan yang ingin disampaikan oleh pengarang kepada mereka. Perkara ini secara tidak langsung dapat membuktikan bahawa masyarakat pada zaman dahulu sangat kreatif kerana menggunakan perbandingan yang nyata bagi menyedarkan masyarakat atau sifat asli yang ada pada seseorang individu. Oleh itu, fungsi bahasa kiasan sebagai perbandingan nyata dapat dibuktikan melalui pantun-pantun lisan dalam buku *Kurik Kundi Merah Saga* seperti di bawah:



- a) anak anjing dua beradik,  
Satu bodoh satu cerdik,  
Saya umpama teras yang baik,  
Tahan berjemur di panas terik.

Berdasarkan pantun di atas, fungsi bahasa kiasan dalam pantun lisan ini ialah sebagai perbandingan nyata. Perbandingan nyata boleh didefinisikan sebagai satu perbandingan yang membandingkan sesuatu perkara dengan perkara yang lain. Fungsi ini selalunya digunakan dalam puisi tradisional seperti dalam pantun. Terdapat pembayang dan maksud pada pantun di atas. Baris pertama dan baris kedua merupakan pembayang yang tidak menjelaskan apa-apa maksud yang tertentu. Maksud pula berada pada baris ketiga dan baris keempat. Maksud yang disampaikan dalam pantun lisan yang bertemakan kiasan ini memberi makna dan maksud yang cukup mendalam dan dapat memberi penghayatan yang lebih kepada pembaca. Pada bahagian pembayang, hanya terdapat unsur fauna yang dijelaskan seperti perkataan 'anak anjing'. pembayang hanya menerangkan secara ringkas tentang penceritaan ringkas berkenaan anak anjing iaitu mempunyai dua beradik dan penagarng menyatakan sifatnya iaitu cerdik dan pandai.

Maksud yang disampaikan dalam pantun di atas sangat mempunyai perbandingan dan penerangan yang tertentu. Antara maksud yang disampaikan dalam pantun lisan yang berfungsi sebagai perbandingan nyata ialah pengarang membandingkan antara watak 'saya' dalam pantun yang

disamakan dengan 'teras yang baik'. Perbandingan nyata antara dua perkara ini menerangkan bahawa 'saya' mempunyai bentuk dan perilaku yang sama dengan 'teras yang baik' tersebut. Perbandingan secara nyata yang ditumpukan pada baris ketiga dan keempat dalam pantun lisan di atas adalah untuk memberitahu bahawa teras yang baik dan elok dapat menahan kepanasan walaupun berpanas selama beberapa jam. Maksud sebenar bagi pantun ini menerangkan bahawa seseorang individu atau manusia yang dapat bertahan dalam kehidupan walaupun berlaku perkara yang tidak dijangka atau berlaku permasalahan yang besar. Hal ini dapat dilihat pada baris ketiga dan keempat iaitu 'saya umpama teras yang baik, tahan berjemur di panas terik' menyatakan bahawa sifat seseorang yang bersabar jika sedang menghadapi ujian dan masalah yang berlaku dalam kehidupan. Seseorang yang mengamalkan sikap rasional dan sabar dalam menghadapi sesuatu akan membentuk sahsiah, emosi dan juga rohani seseorang secara tidak langsung. Sifat seperti ini secara tidak langsung dapat membentuk perilaku dan tingkah laku yang baik dan positif kepada diri sendiri dan juga memberi impak yang besar kepada masyarakat sekeliling. Hal ini menyebabkan masyarakat Melayu pada zaman dahulu dapat dicontohi perilakunya kerana mereka dapat seimbangkan antara pola pemikiran dan emosi mereka. Hal ini secara tidak langsung dapat memberi teladan kepada masyarakat zaman sekarang yang membaca dan menghayati pantun lisan tersebut supaya penerapan nilai moral dan pengajaran yang terkandung dalam puisi tradisional ini mampu mengubah cara berfikir manusia atau masyarakat terutamanya masyarakat Melayu.

Pendekatan gunaan sangat bersesuaian dengan fungsi pantun di atas iaitu sebagai perbandingan nyata. Pendekatan gunaan itu sendiri bersifat objek seperti sastera yang boleh menyebarkan sesuatu perkara yang baik kepada masyarakat. Hal ini secara tidak langsung dapat menjadikan masyarakat Melayu lebih bertamadun dan lebih bedisiplin dalam menjalani kehidupan mereka masing-masing. Perbandingan nyata dapat dijadikan sebagai satu bentuk yang boleh mengajar manusia dengan membandingkan diri mereka kepada sesuatu objek yang boleh menyedarkan mereka tentang kebaikan atau keburukan sesuatu perkara. Perbandingan nyata yang digunakan dalam pantun bertujuan untuk membuka mata pembaca dan masyarakat khususnya masyarakat Melayu agar tetap merendah diri dan dapat merefleksi diri mereka sendiri supaya mereka mampu melihat cerminan sebenar mereka. Oleh itu, pendekatan gunaan yang telah dipelopori oleh Hashim Awang dalam teori pengkaedahan Melayu sangat bersesuaian dengan fungsi pantun lisan yang bertemakan kiasan yang berfungsi sebagai perbandingan nyata.

- b)
- Anak itik jangan direjam,  
Kalau direjam matilah dia,  
Keris pedang tiada tajam,  
Tajamlah lagi mulut manusia.

Pantun lisan yang bertemakan kiasan di atas mempunyai fungsinya yang tertentu. Antara fungsi yang dapat dipaparkan dengan jelas dalam pantun

ialah bertindak sebagai perbandingan nyata. Perbandingan nyata yang dilakukan dan ditunjukkan dalam pantun tersebut berkenaan dengan mulut manusia yang tajam daripada mata bilah keris dan pedang. Perbandingan nyata merupakan salah satu cara untuk merefleksi sikap dan perangai manusia yang mungkin tersorok dalam diri mereka tanpa sedar. Selain itu, pantun empat kerat di atas bertemakan kiasan di atas mempunyai pembayang dan juga maksud yang tertentu. Pembayang pada pantun di atas ialah pada baris pertama dan baris kedua. Pada bahagian pembayang, pengarang pantun memasukkan unsur fauna iaitu 'anak itik'. Bahagian pembayang ini tidak mempunyai maksud yang spesifik. Justeru itu, pengarang membuat satu penceritaan ringkas tentang pesanan agar anak itik yang menjadi watak dalam pembayang supaya dijaga dengan elok dan melarang seseorang supaya tidak merejam anak itik tersebut.

Maksud yang disampaikan dalam pantun lisan yang berfungsi sebagai perbandingan nyata seperti di atas adalah berkenaan dengan mulut manusia yang tidak terlepas daripada melakukan kesalahan seperti berkata kasar sehingga menyebabkan orang yang mendengar lontaran ayat yang diberikan tersebut merasa terluka dan berkecil hati. Perihal mulut manusia yang dianggap sebagai pedang dan keris yang tajam menunjukkan bahawa perkataan manusia ketika marah sangat tajam sehingga ketajamannya tidak boleh dikalahkan dengan bilah pedang dan keris yang selalu ditakuti oleh

sebahagian orang. Perbandingan nyata dapat dilihat pada baris ketiga dan baris keempat iaitu 'keris pedang tiadalah tajam, tajamlah lagi mulut manusia'. pengarang atau pembuat pantun ingin membandingkan antara mulut manusia dengan pedang dan keris. Walaupun pada baris ayatnya yang berbunyi 'keris pedang tiada tajam' membawa maksud yang tersirat, terdapat makna yang mendalam yang boleh mengubah persepsi orang lain. Maksud yang tersirat dapat dilihat melalui baris tiga dan empat dengan menyatakan bahawa senjata yang disebutkan dalam pantun tersebut membawa simbol yang tersendiri yang tidak mudah difahami oleh sebahagian besar masyarakat. Keris dan pedang merupakan senjata tradisional yang popular dengan misteri dan ketajamannya dalam berperang sehingga membuatkan sebahagian besar masyarakat zaman dahulu mahupun masyarakat kontemporari ini gerun dengan alat senjata tersebut. Namun tajam yang diperlihatkan dalam pantun bukan semata-mata pada bilah keris dan pedang, tetapi tajam mulut manusia apabila berkata-kata sehingga dapat membuatkan orang yang mendengar penuturan yang tidak baik mendapat kesan yang negatif dan tidak baik seperti mudah merasa berkecil hati, sedih dan berduka cita. Perbandingan nyata seperti ini sebenarnya pengarang ingin memberitahu pembaca dan masyarakat di luar sana. Kita lihat bahawa pengarang atau masyarakat pada zaman dahulu kala sangat teliti dan mudah memahami maksud tertentu yang disampaikan melalui lisan mahupun tulisan. Perkara ini sedikit sebanyak akan mengajar manusia tentang sikap sebenar yang mungkin ada pada setiap individu dan hanya yang individu yang mampu mengawal percakapan yang tidak baik sahaja boleh dikategorikan sebagai manusia yang sabar dan tidak mudah terpengaruh dengan hasil percakapan orang lain.

Hashim Awang telah memperkenalkan pendekatan gunaan yang terkandung dalam teori pengkaedahan Melayu. Pendekatan gunaan yang dinyatakan oleh Hashim Awang merupakan satu bentuk objek yang dianggap mampu memberi sesuatu yang luar biasa kepada sekeliling mereka iaitu persekitaran dan juga masyarakat. Justeru itu, sastera juga dianggap sebagai objek yang boleh memberi kesan atau impak yang besar kepada masyarakat sekeliling iaitu penyampaian pengajaran, nilai-nilai moral, teladan dan sebagainya yang berhubung dengan kehidupan manusia itu sendiri. Perbandingan nyata yang terkandung dalam pantun yang dikenali sebagai fungsi lain bagi bahasa kiasan secara tidak langsung memberi pengajaran dan membuka mata masyarakat melihat dan memperbaiki diri mereka sendiri agar dapat melahirkan manusia yang baik sahsiah serta rohaninya dan membawa perkara ini berpanjangan sehingga ke generasi yang akan datang.

## BAB 5

### CADANGAN DAN KESIMPULAN

#### 5.0 PENGENALAN

Pada bab 5, pengkaji bakal mengulas kembali hasil kajian yang telah dilakukan bermula daripada bab 1 iaitu pengenalan sehingga bab 4 iaitu dapatan kajian. Kajian ini telah mengupas dan mengkaji berkenaan dengan puisi tradisional iaitu pantun lisan yang memfokuskan kepada tema bahasa kiasan sahaja. Terdapat jenis-jenis bahasa kiasan dan juga fungsi-fungsi bahasa kiasan yang dapat ditonjolkan berdasarkan kajian yang dibuat dalam buku *Kurik Kundi Merah Saga*. Dapat disimpulkan dengan jelas bahawa pengkaji berjaya mengungkap dan menganalisis setiap objektif yang perlu dikaji dalam buku Kurik Kundi Merah Saga yang berfokuskan kepada tema yang dipilih iaitu bahasa kiasan dalam pantun lisan. Oleh itu, bab ini akan merumuskan dan menyimpulkan secara teliti dan keseluruhan berkenaan dengan kajian yang dibuat dan pencapaian objektif-objektif yang dinyatakan dalam projek penyelidikan ini.

#### 5.1 CADANGAN

Bahasa kiasan merupakan penggunaan bahasa yang digunakan pada zaman dahulu kala. Masyarakat pada zaman dahulu sangat mementingkan hasil dan keindahan ayat yang digunakan ketika bertutur atau mengucapkan sesuatu

kepada sesama mereka. Kepentingan bahasa kiasan dapat dilihat pada penggunaan yang sangat kerap digunakan pada masa dahulu ketika masyarakat saling berkomunikasi. Bahasa kiasan juga mempunyai jenis dan fungsinya yang menyebabkan bahasa kiasan dapat memaparkan keistimewaan dan bentuknya yang tersendiri. Hal ini demikian kerana, setiap penggunaan bahasa kiasan yang digunakan mempunyai nilai dan pengajaran yang boleh diterapkan kepada seseorang individu dan sekelompok masyarakat yang masih mengamalkan bahasa kiasan tersebut. Secara tidak langsung, bahasa kiasan yang mempunyai banyak fungsi ini dapat memberi kebaikan kepada setiap individu dalam masyarakat.

Cadangan pengkaji berkenaan dengan tajuk yang dikaji iaitu *Bahasa Kiasan Dalam Pantun Lisan Berdasarkan Kurik Kundi Merah Saga: Aplikasi Pendekatan Gunaan* supaya lebih diperkembangkan dan diluaskan lagi bagi berkongsi kepada pengkaji lain dan masyarakat di luar sana betapa pentingnya penerapan bahasa kiasan dalam kehidupan setiap manusia atau individu. Hal ini demikian kerana, bahasa kiasan juga dianggap sebagai bahasa orang Melayu pada zaman dahulu kala yang dijadikan sebagai salah satu identiti dan jati diri orang Melayu. Keindahan dan keistimewaan orang Melayu dapat dilihat berdasarkan cara percakapan, penggunaan bahasa, adab, adat, budaya dan tingkah laku mereka yang halus dan sopan ketika melakukan sesuatu. Justeru itu, penggunaan bahasa kiasan kepada masyarakat kontemporari atau generasi zaman kini sangat diperlukan bagi menjaga martabat dan identiti sebenar masyarakat Melayu yang telah dihidupkan sejak dari dahulu lagi.



Selain itu, pengkaji berharap agar pengkaji-pengkaji lain di luar sana dapat mendalami dan meneliti berkenaan dengan bahasa kiasan juga melalui puisi tradisional seperti pantun lisan. Hal ini demikian kerana, puisi tradisional tidak kira dari segi mantera, pantun, teromba, syair atau sebagainya mempunyai nilai bahasanya yang tersendiri di setiap bait ayat dalam puisi tradisional. Sebagai contoh yang boleh dilihat, pengkaji mengkaji berkenaan dengan bahasa kiasan yang wujud dan ada dalam pantun lisan. Perkara ini bermaksud di setiap puisi tradisional yang lainnya berkemungkinan besar mempunyai penggunaan bahasa kiasan juga di dalamnya. Penggunaan bahasa kiasan, penggunaan ayat yang tersurat dan tersirat, penggunaan ungkapan kata yang estetik dan sebagainya membuktikan bahawa puisi tradisional ini dibuat dan dihasilkan oleh orang-orang zaman dahulu menggunakan daya kreativiti yang tinggi, idea yang bernas dan diinovasikan dalam bentuk ayat atau perkataan yang bakal dilontarkan dari mulut ke mulut. Begitu juga pantun lisan. Pantun lisan ialah pantun yang diungkapkan dari mulut ke mulut sehingga terbitnya sistem tulisan. Segala pantun yang diungkapkan secara lisan telah dibukukan. Hasilnya sekarang, masyarakat sekarang dapat melihat kembali pantun-pantun yang digunakan oleh nenek moyang kita pada zaman dahulu. Hal ini dapat dijadikan sebagai contoh agar generasi kini masih menggunakan bahasa tersebut dan menerapkan setiap percakapan dengan penggunaan bahasa kiasan, ayat yang tersirat, perkataan yang halus dan sopan serta ungkapan yang indah bagi memastikan komunikasi yang berlaku antara sesama masyarakat membawa keharmonian dan kegembiraan.

Cadangan dan harapan pengkaji untuk pengkarya-pengkarya sastera yang berwibawa dan teliti dalam mendalami dan menghayati kesusasteraan ini agar lebih menggunakan bahasa kiasan sebagai salah satu bahasa yang wajib digunakan dalam karya-karya mereka atau dalam percakapan mereka. Hal ini kerana, pengkarya sastera merupakan penyambung warisan sastera yang telah hidup pada zaman dahulu hingga sekarang. Oleh itu, pengkarya sastera perlu menaikkan identiti mereka sebagai pengkarya sastera Melayu yang menegakkan jati diri Melayu itu sendiri di mata dunia. Setiap negara mempunyai sastera dan mempunyai daya tarikannya sendiri. Namun, setiap sastera mempunyai kelebihan dan keistimewaan masing-masing yang mungkin tidak ada pada orang lain. Sastera Melayu lebih ditonjolkan ke arah penggunaan-penggunaan bahasa dalam setiap puisi dan prosa serta karya-karya yang mengandungi kesusasteraan. Justeru itu, pengkarya-pengkarya sastera memainkan peranan yang penting bagi menghidupkan kembali bahasa kiasan yang hampir dilupakan oleh generasi pada zaman kontemporari ini. Hal ini untuk menyedarkan masyarakat bahawa kita tidak boleh lari dan mengelak daripada asal usul kita yang sebenar.

Justeru itu, pihak-pihak yang berwajib juga perlu memainkan peranan yang penting bagi menjaga penggunaan bahasa kiasan dalam karya-karya sastera bagi melahirkan masyarakat yang cintakan bahasa orang-orang Melayu dan mengekalkan identiti mereka sebagai masyarakat Melayu yang utuh yang masih ada pada zaman sekarang. Perkara ini boleh membuktikan bahawa

peredaran zaman yang semakin canggih tidak dapat mengelakkan masyarakat Melayu untuk melupakan jati diri mereka.

## 5.2 KESIMPULAN

Kesimpulannya, pendekatan gunaan yang digunakan dalam kajian ini sangat bersesuaian dan bertepatan dengan tajuk yang dikaji iaitu *Bahasa Kiasan Dalam Pantun Lisan Berdasarkan Kurik Kundi Merah Saga: Aplikasi Pendekatan Gunaan*. Objektif kajian ini mempunyai dua perkara utama yang dikaji. Objektif yang pertama ialah membincangkan jenis-jenis bahasa kiasan dan objektif kedua pula ialah menganalisis fungsi bahasa kiasan dalam pantun lisan menggunakan pendekatan gunaan.

Kajian yang dilakukan oleh pengkaji telah mencapai kedua-dua objektif tersebut dan berjaya mengupas tentang perkara yang dianalisis. Melalui kajian yang telah dihasilkan oleh pengkaji, terdapat beberapa jenis bahasa kiasan yang perlu diketahui. Contohnya seperti gaya bahasa kiasan metafora, gaya bahasa kiasan personifikasi, gaya bahasa kiasan simile dan juga gaya bahasa kiasan ironi. Berdasarkan hasil analisis pertama, pengkaji dapat menjawab persoalan tentang jenis bahasa kiasan yang ada. Objektif kedua pula, pengkaji dapat menjawab persoalan tentang fungsi-fungsi sebenar bagi bahasa kiasan kepada setiap individu dan juga masyarakat khususnya masyarakat Melayu.

Fungsi bahasa kiasan dalam pantun lisan juga dapat dicapai kerana menggunakan pendekatan gunaan yang telah dicipta oleh Hashim Awang dalam teori pengkaedahan Melayu dalam mengupas dan menganalisis objektif yang telah dibuat. Penggunaan pendekatan gunaan telah membantu pengkaji sebagai rujukan untuk mengeluarkan pengajaran, nilai, teladan dan kesan atau impak yang berlaku kepada masyarakat berkenaan dengan kewujudan bahasa kiasan dalam kehidupan mereka.

Oleh itu, kajian ini adalah salah satu kajian yang mengkaji dan menganalisis berkaitan dengan bahasa kiasan melalui pantun lisan. Pengkaji hanya berfokuskan kepada bahasa kiasan yang terkandung dalam pantun berdasarkan buku *Kurik Kundi Merah Saga*.

## SENARAI RUJUKAN

- Abdullah, F. (2009). Pantun sebagai perakam norma: Penelitian awal terhadap perkahwinan dan keluarga Melayu. *Jurnal Melayu*, 4(2), 43-57.
- Alotia, H. (2016). Bahasa Kiasan Dalam Puisi-puisi Karya Carl Sandburg. *Jurnal Elektronik Fakultas Sastra Universitas Sam Ratulangi*, 2(1).
- Andriani, T. (2012). Pantun dalam kehidupan Melayu (Pendekatan historis dan antropologis). *Sosial Budaya*, 9(2), 195-211.
- Anam, A. K. (2019). Gaya Bahasa Perbandingan Pada Novel Yang Fana Adalah Waktu Karya Sapardi Djoko Damono. *El Banar: Jurnal Pendidikan Dan Pengajaran*, 2(1), 49-62.
- Apriansah, D., Mukhtadir, A., & Lusa, H. (2018). Studi Identifikasi Jenis-Jenis Pantun dalam Masyarakat Kaur Provinsi Bengkulu. *Jurnal PGSD: Jurnal Ilmiah Pendidikan Guru Sekolah Dasar*, 11(1), 43-50.
- Effendy, C., & Sulissusiawan, A. Struktur dan Fungsi Pantun Pulang-memulangkan pada Upacara Perkawinan Masyarakat Melayu Sambas. *Jurnal Pendidikan dan Pembelajaran Khatulistiwa*, 2(9).
- Erfinawati, E., & Ismawirna, I. (2019). Nilai budaya dalam sastra lisan masyarakat Aceh Jaya. *Jurnal Bahasa Dan Sastra*, 13(2), 81-89.
- Fandi, L., Agustina, A., & Nurizzati, N. (2012). Struktur dan Fungsi Pantun Minangkabau dalam Masyarakat Pasa Lamo, Pulau Punjung, Dharmasraya. *Jurnal Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia*, 1(1), 278-286.
- Hamidah, H. (2014, July). PENGAJARAN MORAL DALAM BUDAYA TEPUNG TAWAR MELAYU SUMATERA UTARA. In *FORUM PAEDAGOGIK*.
- Herlinda, H. (2021). *Makna Kiasan Dan Fungsi Pantun Maantau Tando Desa Lipatkain Kecamatan Kampar Kiri Kabupaten Kampar* (Doctoral dissertation, Universitas Islam Riau).
- Hussain, E. M., Ali, T. I. M. T. M., & Jaafar, S. (2015). Simbol Tumbuhan Dalam Pantun Dari Perspektif Puitika Sastera Melayu: Flora Symbolism In Malay Pantun From The Malay Literature Poetics Perspective. *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)*, 26(1), 235-255.
- Ibrahim, N. A., & Yusof, M. (2020). Sindiran dalam media sosial: Perspektif lakuan bahasa. *Jurnal Komunikasi*, 36(2), 269-288.
- Jayakandi, J., Arifin, E. Z., & Sumadyo, B. (2021). Rima dan Makna Pantun dalam Tradisi Lisan Gambang Rancag dengan Pendekatan Hermeneutik. *Diskursus: Jurnal Pendidikan Bahasa Indonesia*, 4(2), 124-137.

- Johari, A., & Zahid, I. (2016). Manifestasi Kesantunan Melayu dalam Ujaran Memberi dan Meminta Nasihat. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 16(2).
- Kamarudin, S. A. (2017). Jati Diri Melayu dalam Kumpulan Puisi Terpilih A. Aziz Deraman: Analisis Teori Pengkaedahan Melayu. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*.
- Kamus Dewan Edisi Keempat (2017). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Komalasari, D. (2018). Analisis Perlambangan Dan Makna Kiasan Dalam Antologi Puisi Lautan Zikir Karya Husnu Abadi. *JEC (Jurnal Edukasi Cendekia)*, 2(1), 45-53.
- Krisadewa, M. F., & Rahardi, K. (2021). Bahasa Jenaka di Kalangan Mahasiswa: Kajian Sosiopragmatik. *TANDA: Jurnal Kajian Budaya, Bahasa dan Sastra (e-ISSN: 2797-0477)*, 1(04), 20-41.
- Let, I. S., & Kamarudin, R. (2019). Penterjemahan unsur budaya dalam bahasa kiasan daripada lagu bahasa Inggeris ke bahasa Melayu. *Jurnal Kesidang*, 3(1), 1-8.
- Man, M. A. F. C., & Jalaluddin, N. H. (2018). Unsur burung dalam pantun: analisis semantik inkuisitif. *Jurnal Wacana Sarjana*, 2(1).
- Man, S. H. C. (2013). Kelestarian pantun: Rencah dan leluhur bangsa dulu, kini dan selamanya. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)*, 1(1), 75-81.
- Maulana, M. (2022). Pantun Sebagai Bentuk Nilai Budaya Sastra Banjar.
- Mubarak, Z. H. (2020). Struktur dan Fungsi Pantun Pembuka dan Penutup Majlis dalam Adat Melayu. In *Prosiding Seminar Nasional Ilmu Sosial Dan Teknologi (SNISTEK)* (No. 3, pp. 168-173).
- Mustofa, A. Pantun: Jejak Tradisi Lisan Bangsa Melayu di Prancis. *Sosial Budaya*, 17(1), 56-63.
- Norashikin, N. A. A., Sidek, N. I. J., Johari, N. A., & Ishar, M. I. M. (2021). Kesan Norma Baharu Terhadap Pengguna dari Aspek Aktiviti Sosial. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(3), 159-170.
- Noraini, A. (2016). *Padi dan air sebagai tanda dalam peribahasa Melayu: Pendekatan firasat/Noraini Abd. Shukor* (Doctoral dissertation, University of Malaya).
- PANGERANG, D. U. P. (2017). Bahasa Kiasan dalam Puisi-Puisi Karya Robert Burns. *JURNAL ELEKTRONIK FAKULTAS SASTRA UNIVERSITAS SAM RATULANGI*, 1(5).
- Pratiwi, A. T. (2018). Jenis Dan Fungsi Gaya Bahasa Kiasan Pada Lirik Lagu Band Naif Dan Payung Teduh. *Sintesis*, 12(2), 107-117.


- Priyhangka, Z. M., Lailin, M. A. H., & Ramadhani, R. S. (2021). Penggunaan Pantun Pada Adat Perkawinan Di Tanjungpinang Kepulauan Riau Sebagai Media Komunikasi. *PAWITRA KOMUNIKA: Jurnal Komunikasi dan Sosial Humaniora*, 2(2), 226-236.
- Purnama, Y. (2019). Peranan Wanita Dalam Tradisi Lisan Carita Pantun Nyai Sumur Bandung. *Patanjala*, 11(1), 115-130.
- Rochim, A. (2021). *Analisis Gaya Bahasa Kiasan Pada Kumpulan Puisi "Untukmu Pena Inspirasi"* (Doctoral dissertation, Universitas Muhammadiyah Malang).
- SAGA, M., & ABD MAJID, M. F. B. Nilai-Nilai Islam Dalam Pantun Melayu: Analisis Pantun Utara Dalam Buku Kurik Kundi.
- SARDJONO, T. S. (2013). Bahasa Kiasan Dalam Puisi-puisi Karya William Butler Yeats. *JURNAL ELEKTRONIK FAKULTAS SASTRA UNIVERSITAS SAM RATULANGI*, 1(1).
- Saripaini, S. (2019). Sastra Lisan Menolak Mati: Cerita Dan Pantun Islami Sebagai Media Dakwah Di Punggur, Pontianak. *Muàşarah: Jurnal Kajian Islam Kontemporer*, 1(1), 33-43.
- Selamat, J. H. (2009). Aplikasi teori pengkaedahan Melayu dalam Menjaras Ribut menerusi pendekatan dakwah. *Jurnal personalia pelajar*.
- Somantri, G. R. (2005). Memahami Metode Kualitatif. Makara Seri Sosial Humaniora, 9 (2), 57–65. *Jurnal Universitas Indonesia*. [http://journal. ui. ac. id/index. php/humanities/article/viewFile/122/118](http://journal.ui.ac.id/index.php/humanities/article/viewFile/122/118).
- Sudirman, N., & Hamid, Z. (2016). Pantun Melayu sebagai cerminan kebitaraan perenggu minda Melayu. *Jurnal Melayu*, 15(2), 145-159.
- Sung, C. M., & bin Hussein, M. Z. (2020). Fungsi Pantun Melayu Tradisional Dilihat Dari Perspektif Budaya Dan Alam Pemikiran Masyarakat Melayu. *Puitika*, 16(1), 1-28.
- Sungkowati, Y. (2017). BAHASA KIASAN DALAM CERPEN "SURABAYA" KARYA TOTILAWATI TJITRAWASITA. *Kadera Bahasa*, 9(2), 89-96.
- Susanti, M. (2018). *Analisis Stilistika Dalam Buku Pantun-Pantun Melayu Kuno Karya Haji Ibrahim* (Doctoral dissertation, Universitas Islam Riau).
- Taisin, N. J. (2019). Unsur metafora dalam puisi lisan tradisional Kadazandusun. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 7(1), 153-172.
- Tri, M. (2017). Pengaruh Sastra Lisan Pantun Pada Puisi Anak-Anak Indonesia.
- Wongsopatty, E. (2020). Pantun sahur dalam sastra lisan Banda Neira. *Literasi: Jurnal Bahasa dan Sastra Indonesia serta Pembelajarannya*, 4(1).

Ya, C. A. C. (2018). Manifestasi Kehidupan Masyarakat Melayu dalam Bedar Sukma Bisu daripada Perspektif Pengkaedahan Melayu. *Jurnal Melayu*, 17(2), 328-342.


Za'ba, Z. A. B. A. (1965). *Ilmu Mengarang Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN